ZAKAT
PULAU PINANG

# LAPORAN TAHUNAN

ZAKAT PULAU PINANG

# 2021






## TRAGEDI BANJIR 2021

Tragedi banjir ini berlaku ketika tempoh angin monsun timur laut yang datang daripada Pantai Timur Semenanjung. Pada masa sama, satu lekukan tropika terbentuk akibat sistem tekanan udara atmosfera yang rendah di Selat Melaka dan ini dinamakan Lekukan Tropika 29W.

### 14 DISEMBER 2021

Fenomena ini bermula di perairan Laut China Selatan dan bergerak ke Semenanjung dengan halaju angin sekitar 47 kilometer sejam.

### 17-18 DISEMBER 2021

Fenomena angin ini kemudiannya bergerak ke kawasan utara Lembah Klang pada 17 Disember yang mengakibatkan hujan lebat berterusan selama 2 hari sehingga berlakunya banjir besar yang luar biasa.






## MISI BANTUAN BANJIR SELANGOR - WILAYAH PERSEKUTUAN

***Oleh agensi-agensi di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (inisiatif yang diketuai oleh Zakat Pulau Pinang)***

"Dalam misi ini, seramai 65 sukarelawan akan bergerak ke kawasan terjejas bagi menyampaikan bantuan yang dibawa selain membantu membersihkan surau, sekolah agama, kemudahan awam dan kediaman mangsa yang terjejas. Sebanyak 21 kenderaan yang terlibat dalam delegasi ini termasuk sebuah treler yang membawa pelbagai barangan keperluan, sebuah lori, van dan pacuan empat roda bagi melaksanakan misi yang telah diselaraskan oleh wakil kita di sana,"
*YB Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abd. Rahman*
*Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang*




"Zakat Pulau Pinang berterima kasih kepada pembayar zakat yang menunaikan tanggungjawab untuk membantu golongan memerlukan. Bantuan yang disalurkan ini sebagai manifestasi terhadap mereka yang terjejas supaya dapat memberikan semangat untuk meneruskan kehidupan selepas ini."
*Tuan Amran bin Hazali*
*Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang*

-Petikan akhbar Sinar Harian 25 Disember 2021-



# Sidang Redaksi

**PENASIHAT**
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

**KETUA PENGARANG/PENYUNTING**
EKSEKUTIF TUGAS-TUGAS KHAS

**PENOLONG PENYUNTING**
PENOLONG EKSEKUTIF TUGAS-TUGAS KHAS

**FOTOGRAFI**
BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

**PENYUMBANG MAKLUMAT**
BAHAGIAN DAKWAH AM
BAHAGIAN DAKWAH KORPORAT
BAHAGIAN KHIDMAT KAUNTER
BAHAGIAN KHIDMAT MAJIKAN
BAHAGIAN FITRAH DAN KAFALAH
BAHAGIAN DATA PROSPEK DAN KHIDMAT PEMBAYAR
BAHAGIAN KEBAJIKAN ASNAF
BAHAGIAN PERUMAHAN ASNAF
BAHAGIAN PROJEK KHAS
BAHAGIAN INSTITUSI DAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN KEUSAHAWANAN ASNAF
BAHAGIAN DERMASISWA PENGAJIAN
BAHAGIAN PERKHIDMATAN KESIHATAN
INAPAN KASIH SAYANG
BAHAGIAN AKAUN
BAHAGIAN ASET
BAHAGIAN PEROLEHAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA
BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
UNIT TUGAS-TUGAS KHAS
UNIT AUDIT DALAM
UNIT UNDANG-UNDANG
UNIT PENGURUSAN KUALITI

**SUSUN ATUR**
UNIT TUGAS-TUGAS KHAS
PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

**ZAKAT PULAU PINANG, 2021**
Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

**Diterbitkan oleh:**

Zakat Pulau Pinang
No. 4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang.

Tel: 04-5498088
Faks: 04-5306466





**TUAN YANG TERUTAMA**
**TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK**
S.M.N., P.S.M., D.U.P.N., S.P.D.K., D.S.L.J. (Brunei), D.M.P.N., D.S.P.N., J.S.M., A.M.N.
**YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**YANG AMAT BERBAHAGIA**
**TOH PUAN DATO' SERI UTAMA KHADIJAH BINTI MOHD NOOR**

# Isi Kandungan


## 1 PENGENALAN

1 Konsep Muka Depan

## 2 SEKAPUR SIREH

7 Fakta Menyusuri Jejak
9 Informasi Korporat

## 3 MESEJ UTAMA

15 Perutusan Pengerusi
16 Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif
20 Kad Laporan Prestasi 2021

## 4 TADBIR URUS

23 Profil Korporat
30 Imbasan 2021

## 5 PROFIL PENGURUSAN

44 Maklumat Pengurusan
52 Sektor Pengurusan

## 6 LAPORAN OPERASI

59 Analisis Kutipan dan Agihan 2021
62 Laporan Operasi Kutipan
70 Laporan Operasi Agihan

## 7 MEDIA DAN PENERBITAN

103 Penerbitan
105 Keratan Akhbar
107 Media Sosial Zakat Pulau Pinang

# SEKAPUR SIREH





# Fakta Menyusuri Jejak

## 5 FASA UTAMA PENUBUHAN ZPP

**1993**

Kertas cadangan berkaitan penubuhan syarikat milik penuh (100%) MAINPP bagi urusan pungutan zakat di Pulau Pinang dibentangkan oleh Pegawai Kewangan Negeri, Y.B Dato' Dr. Mohd Sahar bin Sidek.

**1994**

Didaftarkan dengan nama As-Sahabah Urus Zakat Sdn Bhd (ASUZSB) (302434-A) dengan modal berbayar RM1.02 juta.

**1994**

**SEPTEMBER 1994**
Memulakan operasi kutipan zakat sepenuhnya dengan menggunakan nama Pusat Urus Zakat (PUZ) beroperasi di No 65, Jalan Selat, Taman Selat, Butterworth.

**1999**

MAINPP menyerahkan tugas dan tanggungjawab mengagihkan zakat termasuk Zakat Fitrah kepada PUZ.

**2005**

Ibu pejabat PUZ dipindahkan ke No 4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda, Bukit Mertajam (Bangunan Milik ASUZSB).

**2012**

Penjenamaan semula Zakat Pulau Pinang (ZPP).

## FAKTA SEKILAS PANDANG

- Zakat Pulau Pinang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan kutipan zakat sepenuhnya di Negeri Pulau Pinang bermula pada tahun 1994 bagi pihak MAINPP.

- Bermula tahun 1999, skop dikembangkan kepada agihan zakat.

- Tahun 2021, Zakat Pulau Pinang mempunyai 112 kakitangan (amil) dan 8 cawangan di seluruh Pulau Pinang.

### Matlamat Penubuhan Zakat Pulau Pinang

1) Meningkatkan kutipan zakat negeri Pulau Pinang.
2) Memperkenal sistem pungutan zakat yang lebih sistematik melalui operasi berkomputer.
3) Sebagai elemen ingat dan sedar kepada umat Islam bahawa zakat dapat memainkan peranan besar dalam mengukuhkan ekonomi umat Islam.
4) Menyediakan kemudahan membayar dan mengagihkan wang zakat dengan lebih berkesan dan adil agar pembayar zakat dan umat Islam yakin dan berpuas hati.
5) Memperkenal budaya kerja korporat dalam operasi pungutan dan pengagihan kumpulan wang zakat.
6) Satu institusi zakat yang unggul dan menjadi salah satu teras sosio-ekonomi umat Islam berlandaskan :
   - Perkhidmatan yang berkualiti.
   - Pengurusan korporat yang mantap dan berdaya saing.
   - Penggunaan teknologi terkini.
   - Penggemblegan dan pembangunan sumber manusia.
   - Pertalian yang erat dengan semua pihak.

# Informasi Korporat

## VISI

Mengungguli usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah melalui sistem pengurusan zakat yang profesional & berteknologi



## MISI

1. Kami menyediakan perkhidmatan berkualiti bagi memudahkan urusan pembayaran dan pengagihan zakat secara efisien, telus dan efektif.

2. Kami komited untuk sentiasa memastikan agar amanah muzakki dijaga dan hak asnaf dibela melalui pendekatan maqasid syariah

3. Kami beriltizam untuk memperkasa asnaf menerusi skim bantuan zakat yang bukan sahaja mampu memberikan kemudahan kehidupan malah mengubah mereka menjadi pembayar zakat masa hadapan

4. Kami berazam mengangkat martabat profesion amil selaras dengan petunjuk Al-Qur’an dan Hadith

## Nilai Teras Bersama : GIGIH

### G - GIGIH

Kami melaksanakan tanggungjawab dengan penuh disiplin dan kesungguhan serta memberikan hasil yang terbaik dengan perkhidmatan berkualiti.

### I - INTEGRITI

Kami komited untuk sentiasa bersikap profesional, adil, menjaga amanah dan beretika tinggi dalam setiap urusan.

### G - GERAKERJA BERPASUKAN

Kami bertindak sebagai sebuah pasukan mantap yang saling sokong menyokong dan bantu membantu di antara satu sama lain dengan semangat bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.

### I - INOVASI

Kami sentiasa berusaha untuk meneroka kaedah yang baharu melalui idea kreatif dan terkini.

### H- HORMAT MENGHORMATI

Kami meraikan perbezaan pandangan dan kepelbagaian nuansa, berfikiran positif dan membudayakan akhlak terpuji dalam perhubungan dengan semua pihak.

## MOTO ZAKAT PULAU PINANG

**AMANAH UMMAH DIJAGA**

**HAK ASNAF DIBELA**

## PIAGAM

### a) Piagam Pelanggan

Kami bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti dan memuaskan hati pelanggan serta layanan yang mesra dan adil kepada pembayar dan penerima bantuan zakat dan dengan itu kami berjanji:

**Memberi maklumat yang jelas dan tepat berkaitan zakat.**

**Menyediakan kemudahan pembayaran zakat yang terbaik melalui pelbagai kaedah.**

**Memastikan urusan pembayaran di kaunter tidak melebihi 5 minit.**

**Menghantar penyata bayaran zakat tahunan kepada pembayar yang membayar melalui skim berkat tidak melebihi 31 Mac pada tahun berikutnya.**

**Memastikan pengagihan zakat selaras dengan ketetapan syarak.**

**Memberi layanan yang mesra kepada semua yang berurusan di kaunter-kaunter perkhidmatan zakat.**

**Menerima semua borang permohonan bantuan yang lengkap dan memproses dalam tempoh 20 hari bekerja.**

**Memproses bantuan segera yang layak serta merta.**

### b) Piagam Audit Dalam

Piagam Unit Audit Dalam Zakat Pulau Pinang (ZPP) merupakan dokumen rasmi yang mentakrifkan tentang tujuan, kuasa dan tanggungjawab aktiviti audit dalaman. Piagam Unit Audit Dalam ZPP mewujudkan kedudukan aktiviti audit dalaman dalam organisasi, membenarkan akses kepada rekod, kakitangan dan harta fizikal yang relevan untuk melaksanakan tugasan dan menentukan skop aktiviti audit dalaman.

# *Kaunter Cawangan*




**BUKIT MERTAJAM (IBU PEJABAT)**
No.4 Jalan Perda Selatan,
Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam.
Tel : 04-549 8088
Faks : 04-530 6466

**NIBONG TEBAL**
No 40, Jalan Jawi Jaya 1,
Taman Jawi Jaya,
14200 Nibong Tebal.

**GEORGE TOWN**
No 34, Lebuh Buckingham,
10200 Georgetown.

**KEPALA BATAS**
No. 2102,
Wisma Syeikh Abdullah Fahim,
13200 Kepala Batas.

**BALIK PULAU**
No. 32 A-G,
Jalan Sungai Nipah,
11000 Balik Pulau.

**AYER ITAM**
d/a Masjid Negeri Pulau Pinang,
Jalan Ayer Itam,
11500 Air Itam.

**BUTTERWORTH**
No 65, Jalan Selat,
Taman Selat,
12000 Butterworth.

**BAYAN BARU**
No.81, Tingkat Bawah,
Persiaran Mahsuri, 1/3 Sunway Tunas,
11900 Bayan Lepas.

*v2.zakatpenang.com*

# MESEJ UTAMA





# Perutusan Pengerusi



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita telah berjaya menggalas tanggungjawab yang diamanahkan sepanjang tahun 2021. Dengan sukacitanya, saya bagi pihak Lembaga Pengarah mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak pengurusan Zakat Pulau Pinang (ZPP) di bawah pimpinan YBrs. Encik Amran bin Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif bersama YBrs. Encik Mohamad Kairi bin Ghazalli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) dan YBrs. Encik Mohamad Fuad bin Md. Isa, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pentadbiran) serta seluruh warga kerja ZPP atas khidmat yang cemerlang sepanjang tahun.

Penerbitan Laporan Tahunan ZPP merupakan satu wadah dan dokumentasi maklumat yang merakamkan pelbagai aktiviti, sumbangan, kejayaan dan pencapaian ZPP sepanjang tahun 2021. Sejak penubuhannya, ZPP telah berusaha untuk meningkatkan kefahaman masyarakat tentang dakwah zakat serta pensyariatannya dengan kehidupan umat Islam khususnya di Pulau Pinang.

Melihat kembali pada tahun 2021, impak pandemik dan perubahan sosio-ekonomi yang melanda negara perlu diambil kira dalam merangka halatuju seterusnya. ZPP haruslah memikirkan strategi bagi memastikan peranan dan fungsi amil yang dilantik oleh pemerintah kekal relevan. Selain itu, ZPP hendaklah bergerak ke arah penjanaan kutipan yang mampan, pengagihan dana zakat yang efektif, libat urus yang dinamik, kerjasama pintar dan lain-lain usaha bagi mengukuhkan sistem kewangan sosial Islam dalam keterangkuman dana zakat terus dinikmati oleh masyarakat Muslim khususnya mustahiq di Pulau Pinang.

Pada akhir tahun ini, kutipan zakat harta meningkat sebanyak 12.5% yang merekodkan jumlah sebanyak RM147.2 juta berbanding pada tahun 2020 sebanyak 130.8 juta. Begitu juga, jumlah pembayar merekodkan peningkatan sebanyak 4.96% yang berjumlah 74,183 orang berbanding 70,677 orang pada tahun 2020. Manakala bagi dana agihan zakat, ZPP telah berjaya mengagihkan sebanyak 96.1% yang berjumlah RM141.5 juta daripada jumlah kutipan zakat tahun 2021. Kepada pasukan ZPP, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada anda semua kerana telah menyesuaikan diri dengan tuntutan cara kerja norma baharu dengan begitu baik sekali sepanjang tahun pandemik yang amat sukar ini, tanpa berkompromi dengan kualiti hasil kerja. Dengan ketabahan dan keazaman, telah memastikan bahawa ZPP dapat menutup tirai tahun 2021 dengan penuh kejayaan dalam melaksanakan 'amanah ummah dijaga, hak asnaf dibela'.

Sekalung penghargaan saya ucapkan kepada barisan Lembaga Pengarah ZPP atas komitmen dan sokongan di atas pertimbangan dan perbincangan hal-hal dasar dan strategik bagi mencapai kata sepakat dalam membuat keputusan yang terbaik dan paling berhemah demi kepentingan institusi.

Kepada masyarakat Islam khususnya para muzakki di Pulau Pinang, kami amat menghargai kepercayaan dan kesetiaan anda terhadap kami sepanjang kita mengharungi tahun 2021. ZPP akan terus berusaha untuk memenuhi mandat kami dengan cara yang mampan dan berhemah dalam mensejahterakan sosio-ekonomi ummah di Pulau Pinang.

**YB DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD RAHMAN**

# Ulasan

## KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ



Sukacitanya, saya membentangkan sebuah penerbitan laporan tahunan Zakat Pulau Pinang (ZPP) untuk tahun 2021. Menginjak usia ke-27 tahun penubuhannya, sepanjang tahun 2021 ZPP telah mempamerkan komitmen terhadap pengurusan zakat yang kompeten, *transparent* dan berdaya saing dalam menyantuni ummah di negeri Pulau Pinang khususnya.

Tahun 2021 merupakan satu tempoh yang berwarna warni apabila negara terus bergelut dengan kesan pandemik COVID-19 terhadap kesihatan awam dan ekonomi. Pandemik ini mengundang pelbagai cabaran kepada ZPP dalam usahanya menjadi sebuah institusi yang memberikan nilai mampan jangka panjang kepada masyarakat Muslim khususnya di Pulau Pinang. Persekitaran operasi kekal mencabar berikut pandemik COVID-19 yang berlarutan dan kesannya yang menggugat nilai-nilai kehidupan umat Islam di Pulau Pinang. Namun begitu, ZPP kekal berada pada landasannya dan terus menambah nilai pihak berkepentingan iaitu mustahiq dan muzakki.

Berlatarkan persekitaran ini, tumpuan ZPP pada tahun 2021 adalah untuk membantu masyarakat Muslim di Pulau Pinang khususnya semasa berlaku krisis dan seterusnya keluar daripada krisis tersebut. Bagi tujuan ini, ZPP terus menggunakan pelbagai pendekatan untuk mengurangkan kesan kejutan terhadap sosio-ekonomi ummah di samping berusaha menggalakkan kestabilan jaminan kelestarian kewangan dan keselamatan sosial ummah dalam lingkungan mandat ZPP. ZPP bekerjasama dengan agensi kerajaan, badan korporat, industri, pertubuhan bukan kerajaan dan individu bagi mengembangkan program bantuan yang bertujuan membolehkan ummah yang terjejas berada pada landasan pemulihan yang lebih kukuh. Langkah ini termasuk penyelarasan pengurusan ekonomi dan kesihatan dalam program bantuan, serta menyediakan bantuan berskema produktif dengan cara yang lebih mampan bagi membina semula masa hadapan. ZPP turut mempergiat usaha untuk berbincang dan berinteraksi dengan masyarakat berhubung dengan langkah-langkah ini dengan mengambil pelbagai tindakan supaya komunikasi ZPP lebih sesuai untuk pelbagai khalayak.

**Prestasi Kutipan dan Agihan Yang Mampan dan Berdaya Saing**

ZPP telah mencatatkan prestasi yang memberangsangkan dan perkembangan luar jangka dalam pencapaian kutipan dan agihan pada tahun dalam tinjauan 2021. Pencapaian ini adalah hasil daripada dedikasi kakitangan ZPP dan kerjasama daripada pihak berkepentingan, termasuk pengawal selia kami iaitu MAINPP yang memainkan peranan penting dalam memastikan urus tadbir yang baik. Dengan fokus yang diperhalusi, tiga pencapaian utama bagi tahun 2021 dibentangkan.

Pertama, ZPP berjaya menjana prestasi kutipan zakat yang luar jangka memberangsangkan dengan jumlah kutipan keseluruhan sebanyak RM147.2 juta. Pencapaian ini disokong jumlah kutipan zakat harta sebanyak RM141.2 juta dan kutipan zakat fitrah berjumlah RM6.02 juta. Prestasi ini dicapai dengan rangkuman peningkatan yang mampan berdasarkan perbandingan kutipan zakat pada tahun sebelumnya. Kutipan zakat harta meningkat sebanyak 12.7% daripada RM125.2 juta pada tahun 2020 kepada RM141.2 juta pada tahun 2021. Kesemua segmen kutipan yang meliputi zakat pendapatan, zakat perniagaan, zakat KWSP, zakat saham, zakat emas, zakat perak, zakat harta, zakat tanaman dan qadha zakat telah meningkat kecuali zakat ternakan dan zakat galian.










Kedua, lonjakan prestasi kutipan yang amat memberangsangkan ini menggambarkan kepercayaan muzakki terhadap ZPP di sebalik kekhuatiran terhadap ekonomi yang tidak menentu akibat pandemik COVID-19. Data prestasi jumlah muzakki pada tahun 2021 menunjukkan sebanyak 74,183 orang pembayar dan ianya meningkat sebanyak 4.96% berbanding tahun 2020. Zakat pendapatan merupakan segmen paling tinggi yang mencatatkan jumlah pembayar iaitu sebanyak 62,842 orang yang mewakili 84.7% daripada jumlah keseluruhan muzakki. Sementara pembayar daripada segmen zakat KWSP menunjukkan peningkatan paling memberangsangkan iaitu kenaikan sebanyak 179.1% berbanding tahun 2020. Saya percaya kempen dakwah zakat secara digital memainkan peranan yang sangat signifikan dalam memberikan pencerahan kepada pencarum KWSP yang mengeluarkan wang menerusi i-Lestari, i-Sinar dan i-Citra KWSP.




Ketiga, ZPP terus memberikan tumpuan pada usaha menyokong pemulihan sosio-ekonomi ummah di Pulau Pinang yang mampan pada tahun 2021. Usaha ini berlatarkan kepada pengagihan dana zakat yang berjaya diagihkan sebanyak 96.1% daripada jumlah keseluruhan kutipan zakat. Jumlah agihan tersebut mewakili sebanyak RM141.5 juta berbanding RM126.6 juta pada tahun 2020. Peningkatan sebanyak 11.8% telah diagihkan kepada 7 golongan asnaf yang berjumlah 40,711 orang/institusi.

## PRESTASI PENERIMA AGIHAN ZAKAT 2021




## PERBANDINGAN PRESTASI PENERIMA ZAKAT




## Mengurus Impak Pandemik COVID 19

Pandemik COVID-19 terus menjadi cabaran yang dominan kerana persekitaran operasi yang dijangka pulih tidak kembali kepada keadaan pra-pandemik ketika pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada 2021. Bagi memastikan daya tahan dan keterlangsungan pengurusan zakat yang efektif, ZPP telah memperkenalkan beberapa langkah terhadap pengurusan dan operasi untuk memastikan kestabilan amanah muzakki terpelihara dan meringankan beban mustahiq.

Sistem Bekerja Dari Rumah (BDR) diperkukuhkan dengan memaksimumkan kerja atas talian bagi bahagian tertentu dengan sokongan sistem teknologi maklumat yang dipertingkatkan. Namun bagi bahagian yang melibatkan siasatan dan menguruskan pengagihan bantuan dikekalkan operasi secara fizikal dengan pematuhan SOP yang ketat. Di samping itu, jadual dan waktu kerja secara efisien dipraktikkan secara anjal dalam tempoh tertentu bagi mengoptimumkan operasi demi mematuhi peraturan yang digariskan semasa PPN dikuatkuasakan.

Situasi pandemik yang berlarutan selama 2 tahun amat dipantau rapi oleh pengurusan ZPP. Penekanan terhadap agihan dana bantuan sentiasa menjadi keutamaan yang mendesak dalam menyantuni ummah yang terkesan dan terbeban kehidupan mereka. ZPP telah melancarkan dana bantuan khas zakat melalui Skim Bantuan Khas Zakat COVID-19 (SBKZC) Fasa 3 yang disalurkan kepada 6 golongan sasar yang terkesan dan terbeban semasa berlakunya pandemik ini di Pulau Pinang.

| KATEGORI GOLONGAN SASAR | JUMLAH (RM) | PENERIMA |
|---|---|---|
| Pekerja Gaji Harian/Bulanan | 981,000.00 | 1,962 |
| Pemandu Teksi/E-Hailing, Pemandu Bas/Van Sekolah | 481,500 | 963 |
| Peniaga Pasar Malam/ Pasar Tani/ Peniaga Kecil | 336,000.00 | 672 |
| Guru Agama/ Pendakwah Bebas Bertauliah | 19,000.00 | 38 |
| Keluarga/Pesakit Covid-19 (Sedang Dalam Kuarantin) | 151,500.00 | 303 |
| Bakul Makanan Kecemasan | 991,170.00 | 1,301 |
| **JUMLAH** | **2,960,170.00** | **5,239** |

**Memanfaatkan pendigitalan pengurusan zakat**
Kemajuan pelan pendigitalan pengurusan zakat ZPP pada tahun 2021 sangat memberangsangkan dengan dua pencapaian besar iaitu pelancaran portal zakatpenang2u.com dan penetapan aras terbaik *(advance)* yang diberikan kepada ZPP oleh Jawatankuasa Inisiatif Tanpa Tunai Bagi Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang – Visi Penang2030 Negeri Pintar Bertaraf Anatarabangsa.

Strategi mendigitalkan pengurusan zakat yang digerakkan pada tahun 2020 melalui teras kapasiti organisasi di dalam Pelan Strategik ZPP 2020-2022 berjaya mengemudikan pelan digital yang berdaya saing dan efisien. Antara inisiatif-inisiatif utama pendigitalan pengurusan zakat adalah seperti berikut:

i. Mewujudkan 8 saluran teknologi kewangan *(FinTech)* bagi pembayaran zakat.

ii. Memastikan kepatuhan syariah dalam penggunaan *FinTech* bagi pembayaran zakat.

iii. Mewujudkan kiosk layan diri pembayaran zakat di kaunter ibu pejabat.

iv. Inovasi permohonan atas talian bagi SBKZC 19 fasa 3, permohonan dermasiswa pengajian dan permohonan bantuan permulaan IPT.

v. Informasi ZPP yang terkini setiap hari di media sosial.




**Langkah Seterusnya**

Di sebalik setiap krisis yang berlaku pasti ada hikmahnya, iaitu peluang untuk membuat pembaharuan dan anjakan transformasi bagi memperkukuhkan asas-asas demi masa hadapan ZPP. Beberapa usaha pembaharuan jangka masa sederhana dan panjang ZPP telah pun dilaksanakan, dengan kemajuan yang agak besar dicapai terutama bagi pelaksanaan Pelan Strategik 2020-2022. Tinggal satu tahun sahaja lagi bagi melengkapkan misi dan visi 3 tahun ZPP menjadi peneraju kepada institusi kewangan sosial Islam di Pulau Pinang yang bermampan. Seiring dengan usaha ini, agenda pemerkasaan asnaf menjadi keterangkuman dana zakat yang lebih produktif dapat dilaksanakan bagi menyokong hasrat pemegang taruh dan muzakki terutamanya untuk melihat pengurusan kemiskinan dan pemulihan sosio-ekonomi yang ingin dicapai dapat dilaksanakan dengan berkesan di Pulau Pinang.

Sebelum saya menutup garapan ulasan ini, yang pasti ketika ini Malaysia telah mula beralih kepada fasa endemik. Hal ini merupakan perkembangan yang positif dalam usaha meningkatkan operasi kutipan dan agihan zakat ke tahap paling optimum. Walau bagaimanapun, situasi tersebut masih perlu ditangani dengan berhati-hati dan berstrategik. ZPP perlu terus melaksanakan penambahbaikan dan membuat olahan sebagai institusi kewangan sosial Islam terbaik di Pulau Pinang. Bagi tujuan ini, ZPP akan terus mengambil langkah transformasi supaya kakitangan, struktur dan operasi ZPP sentiasa bersedia menghadapi masa hadapan.

Sesungguhnya, tahun 2021 merupakan satu tahun yang mencabar sepertimana tahun 2020. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih setulus ikhlas kepada semua kakitangan ZPP atas komitmen yang tidak berbelah bagi untuk berkhidmat kepada ummah di Pulau Pinang dalam tempoh yang tidak menentu ini. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah atas sokongan dan bimbingan yang diberikan. Walau pun cabaran dan rintangan yang mendatang, ZPP terus berusaha dengan gigih melaksanakan mandatnya dengan penanda aras yang profesionalisme dan integriti yang tinggi, insha Allah.

**AMRAN BIN HAZALI**

## KAD LAPORAN PRESTASI 2021 ZAKAT PULAU PINANG

### KAD LAPORAN PRESTASI 2021

ZAKAT PULAU PINANG

**Mendepani cabaran pandemik COVID 19 yang berlaku sepanjang tahun 2021, Zakat Pulau Pinang (ZPP) masih mengekalkan momentum prestasi kutipan dan agihan zakat yang kukuh dan terus berdaya tahan. ZPP telah mengutip zakat sebanyak RM147,247,345.90 dan telah mengagihkan sebanyak RM141,551,752.06 bagi menyantuni golongan asnaf di Negeri Pulau Pinang.**

**PERBANDINGAN PRESTASI KUTIPAN ZAKAT**




**PERBANDINGAN PRESTASI AGIHAN ZAKAT(RM JUTA)**




**PERBANDINGAN PRESTASI PEMBAYAR ZAKAT HARTA**



| 2020 | 2021 |
|---|---|
| 70,677 muzakki | 74,183 muzakki |

**JUMLAH AGIHAN ZAKAT MENGIKUT ASNAF**

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Fakir | 6,766,627.01 |
| 2 | Miskin | 31,368,895.09 |
| 3 | Amil | 18,410,704.89 |
| 4 | Muallaf | 2,500,000.00 |
| 5 | Ghorimin | 3,477,976,45 |
| 6 | Ibnu Sabil | 205,500.00 |
| 7 | Fisabilillah | 78,822,548.62 |







Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela

### ZPP berjaya kutip RM147.25 juta tahun 2021

**SEBERANG JAYA –** Zakat Pulau Pinang (ZPP) mengekalkan momentum dari segi prestasi kutipan dan agihan zakat pada tahun lepas walaupun masih berdepan cabaran pandemik COVID-19.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, ZPP berjaya mengutip sejumlah RM147,247,345.90 juta merangkumi zakat harta dan zakat fitrah pada tahun 2021 berbanding RM130,857,624.07 pada tahun sebelumnya.

"Prestasi kutipan zakat harta adalah berjumlah RM141,219,358.71 juta pada tahun 2021 berbanding RM125,297,037.26 (2020) iaitu peningkatan sebanyak 12.58 peratus.

"Bagi zakat fitrah pula, jumlah yang berjaya dikutip adalah RM6,027,987.19 berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM5,580,586.81," katanya ketika membentangkan Laporan Prestasi Kutipan Agihan ZPP di sini 10 Februari lalu.

Turut hadir, Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dr. Roslan Ahmad; Setiausaha MAINPP, Dato' Samsudin Bakar serta Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali.

Ahmad Zakiyuddin berkata, bilangan pembayar zakat harta (muzakki) pada tahun 2021 adalah seramai 74,183 orang berbanding 70,677 pada tahun 2020.

"Jumlah ini menunjukkan peningkatan seramai 3,506 orang atau 4.96 peratus," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti.

Dalam perkara berkaitan, beliau memberitahu bahawa kutipan zakat melalui potongan gaji atau Skim Sakinah adalah berjumlah RM60,627,842.67 pada tahun 2021 berbanding RM58,245,885.91 pada tahun sebelumnya.

"Kadar peningkatan kutipan melalui skim ini adalah sebanyak RM2,381,956.76 atau 4.08 peratus.

"Kutipan zakat harta menerusi portal *www.zakatpenang2u.com* turut meningkat kepada RM3,252,976.33 pada tahun 2021 berbanding RM3,164,043.64 pada tahun 2020 dengan peningkatan sebanyak RM88,932.69," katanya.

Beliau yang juga merupakan Yang di-Pertua MAINPP berkata peningkatan kutipan zakat adalah dipengaruhi oleh aktiviti dakwah zakat secara agresif dan kempen secara digital yang dijalankan dalam fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN).

"Selain itu, kempen media sosial dan kewujudan portal dalam talian juga memberi impak terutamanya dalam inisiatif pembayaran zakat tanpa tunai dengan jumlah yang direkodkan pada tahun 2021 ialah sebanyak RM123,809,076.62.

"Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pula merekodkan kutipan tertinggi sebanyak 69.7 peratus berbanding tahun 2020," jelasnya.

Menyentuh aspek agihan zakat kepada asnaf pula, beliau memberitahu bahawa sepanjang tahun 2021, ZPP berjaya mengagihkan sebanyak RM141,551,752.06 berbanding tahun 2020 yang merekodkan sejumlah RM126,581,574.21 iaitu meningkat 11.8 peratus.

"Walau bagaimanapun, bilangan penerima zakat telah menurun daripada 41,690 orang pada tahun 2020 kepada 40,711 orang pada tahun lepas iaitu berkurangan sebanyak 3.07 peratus.

"Penurunan jumlah penerima zakat adalah kerana skim bantuan awal persekolahan zakat bagi tahun 2022 terpaksa ditangguhkan ekoran penundaan pembukaan sesi persekolahan pada tahun ini," ulasnya.

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin memberitahu bahawa ZPP telah menambah nilai skim sedia ada pada tahun lepas dengan memfokuskan kepada bantuan pasca pandemik COVID-19 terutamanya bagi usahawan asnaf melibatkan kerjasama strategik dengan syarikat-syarikat korporat.

"Oleh itu, jumlah Skim Bantuan Khas Zakat COVID-19 sepanjang tahun 2021 hanya merekodkan kira-kira RM2.96 juta disebabkan kewujudan pelbagai skim lain oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk membantu golongan terjejas.

"Namun begitu, skim bantuan COVID-19 akan tetap diteruskan pada tahun ini memandangkan penularan pandemik COVID-19 belum berakhir," katanya.

Dalam perkara berkaitan, Ahmad Zakiyuddin berkata susulan prestasi ekonomi yang semakin pulih, ZPP menyasarkan kutipan zakat sebanyak RM161.5 juta bagi tahun ini.

"ZPP menyasarkan pembayar seramai 79,500 orang yang terdiri daripada individu dan entiti perniagaan yang layak," ulasnya lanjut.

# TADBIR URUS





# PROFIL KORPORAT



**YB. DATO' IR HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD RAHMAN**

YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG



**SAHIBUS SAMAHAH DATO' SERI DR. HAJI WAN SALIM BIN WAN MOHD NOR**

MUFTI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG



**YB. DATO' DR. MOHAMAD FARAZI BIN JOHARI**

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG



**YBHG. DATO' HAJI SAMSUDIN BIN BAKAR**

SETIAUSAHA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG



**YBHG. DR. ROSLAN BIN AHMAD**

AHLI



**YBHG. DATO' HAJI ZULKIFLI BIN LONG**

AHLI



**YB. SENATOR PUAN FADHLINA BINTI DATO' SIDEK**

AHLI



**YBHG. DR. WAN NOR BINTI HASSAN**

AHLI



**YBHG. HAJI ZULKIEFLY BIN SAAD**

AHLI



**YBHG. ENCIK MUHASDEY BIN MUHAMAD**

AHLI



**YBHG. HJ. MOHAMED IZAM BIN MOHAMED YUSOF**

AHLI

# Jawatankuasa Kecil Zakat Pulau Pinang

## 1. JAWATANKUASA AUDIT, RISIKO DAN INTEGRITI (JARI)

Peranan dan tanggungjawab:

- Membuat pengawasan dan pemantauan berkenaan pelaporan kewangan, dasar dan kawalan dalam perakaunan Syarikat.
- Memantau dan menilai aktiviti-aktiviti Kumpulan Pengurusan dalam menguruskan risiko.
- Menyemak dan menilai keberkesanan keseluruhan kawalan dan infrastruktur pengurusan risiko dengan Unit Audit Dalam dan melapor kepada Lembaga Pengarah.
- Menyemak dan mengkaji kesempurnaan serta keutuhan sistem kawalan dalaman pengurusan kewangan serta pentadbiran organisasi.
- Mengkaji Rancangan Audit Tahunan yang disediakan oleh Unit Audit Tahunan dan membuat cadangan skop pengauditan dan tumpuan audit sekiranya ada, sebelum meluluskannya.
- Memastikan tidak terdapat sekatan atau batasan yang tidak wajar yang boleh menjejaskan pelaksanaan audit dalaman dan Unit Audit Dalam diberikan akses yang sesuai pada maklumat dalam pelaksanaan tugasnya.
- Memastikan Unit Audit Dalam mempunyai sumber yang mencukupi dan kakitangan yang kompeten bagi membolehkan ia berfungsi dengan berkesan.
- Mengkaji laporan daripada Unit Audit Dalam, Jabatan Audit Negara (sekiranya ada) atau Laporan Audit Luar untuk memastikan semua isu yang dilaporkan diselesaikan dengan memuaskan dan memperakukan tidakan susulan.
- Menimbangkan hasil/syor apa-apa kajian semula dalaman tentang keberkesanan fungsi audit dalam untuk meningkatkan prestasi dan jaminan kualiti audit dalam.

## 2. JAWATANKUASA PEROLEHAN (MELEBIHI RM500,000)

Peranan dan tanggungjawab:

Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincangkan dan membuat perakuan berhubung perkara-perkara berikut:

- Meluluskan pembelian bernilai melebihi RM500,000.
- Memastikan polisi dan prosedur tender dipatuhi dan proses keputusan tender diuruskan dengan baik.

## 3. JAWATANKUASA KEWANGAN, BELANJAWAN, PELABURAN DAN PEMBANGUNAN

Peranan dan tanggungjawab:

Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincangkan dan membuat perakuan berhubung perkara-perkara kewangan dan belanjawan seperti berikut:

- Membincangkan dan memperakukan cadangan belanjawan tahunan ASUZSB untuk kelulusan mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZ.
- Memperakukan penyata kewangan tahunan ASUZSB untuk kelulusan mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB.
- Memperakukan cadangan hapuskira aset tetap serta hutang-hutang yang tidak dapat dituntut untuk kelulusan mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB.
- Memperakukan cadangan pelaburan ke institusi kewangan untuk kelulusan mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB.
- Melulus dan menerima pakai pekeliling yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

# Jawatankuasa Kecil Zakat Pulau Pinang

- Lain-lain perkara yang berkaitan dengan kewangan yang tertakluk kepada perakuan jawatankuasa dan kelulusan mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB

## SAMB. - JAWATANKUASA KEWANGAN, BELANJAWAN, PELABURAN DAN PEMBANGUNAN

Peranan dan tanggungjawab:

Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincang dan membuat perakuan berhubung perkara pembangunan dan pelaburan seperti berikut:

- Membincang, meneliti serta merancang projek-projek pembangunan dan pelaburan bagi pembangunan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Memperakukan cadangan dasar dan strategi pembangunan dan pelaburan bagi projek-projek pembangunan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Membincang dan memperakukan cadangan peruntukan belanjawan projek pembangunan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Memperakukan laporan pelaksanaan projek-projek pembangunan dan pelaburan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Memperakukan cadangan penambahbaikan atau penamatan mana-mana projek pembangunan dan pelaburan Asnaf Zakat untuk kelulusan Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Lain-lain perkara yang berkaitan dengan projek-projek pembangunan Asnaf Zakat tertakluk kepada perakuan jawatankuasa dan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB.

## 4. JAWATANKUASA AMIL, FITRAH DAN GURU AGAMA / AL-QURAN

Peranan dan tanggungjawab:

Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincang dan membuat perakuan berhubung perkara- perkara berikut:

- Membincangkan isu-isu berkaitan Pengelola Amil Fitrah serta membuat keputusan bagi menyelesaikan isu-isu berbangkit bertujuan melancarkan proses kerja pengurusan zakat fitrah
- Mencadangkan penambahbaikan kualiti khidmat dan kecekapan Pengelola Amil dan Amil Fitrah secara berterusan dalam kutipan dan agihan zakat Fitrah
- Memantau, menyelaras amil-amil yang sedia ada dan akan datang serta bekerjasama dengan kariah dalam pengurusan amil fitrah
- Membuat pengesahan dan kelulusan bayaran saguhati Guru Agama dan Guru Al-Quran.

## 5. JAWATANKUASA PERUMAHAN

Peranan dan tanggungjawab:

Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincang dan membuat perakuan berhubung perkara-perkara berikut:

- Membincang, meneliti dan meluluskan permohonan bantuan untuk membina atau membaikpulih rumah oleh Asnaf Fakir, Miskin dan Muallaf tertakluk kepada kadar kelulusan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah ASUZSB dari masa ke semasa;
- Membincang, mencadang dan memperakukan dasar dan strategi yang berkaitan dengan bantuan bina dan baik pulih rumah untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

# Jawatankuasa Kecil Zakat Pulau Pinang

- Membincang dan memperakukan berhubung bantuan kepada mangsa bencana alam/musibah untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Menyelesaikan isu-isu dan permasalahan yang berbangkit berhubung bantuan bina dan baik pulih rumah;
- Memperakukan laporan pelaksanaan program bina dan baik pulih rumah untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Memperakukan cadangan penambaikan program bantuan bantuan bina dan baik pulih rumah untuk kelulusan Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Lain-lain perkara yang berkaitan dengan bantuan bina dan baik pulih rumah tertakluk kepada perakuan jawatankuasa dan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB.

## 6. JAWATANKUASA KEBAJIKAN ASNAF

Peranan dan tanggungjawab:

Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincang dan membuat perakuan berhubung perkara-perkara berikut:

- Membincang, mencadang dan memperakukan dasar dan strategi yang berkaitan dengan Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Makanan Bulanan, Bantuan Sarahidup dan Bantuan Rawatan / Pembedahan untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Mengkaji dan menetapkan kadar amaun bantuan kewangan bulanan dan bantuan makanan bulanan dari masa ke semasa
- Menyelesaikan isu-isu dan permasalahan yang berbangkit berhubung Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Makanan Bulanan, Bantuan Sarahidup dan Bantuan Rawatan/ Pembedahan
- Memantau pelaksanaan pengurusan Pusat Hemodialisis Zakat (PHZ) dan memperakukan laporan Pusat Hemodialisis Zakat (PHZ) untuk kelulusan Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Mencadang dan memperakukan program pembangunan sosial, kebajikan dan kesihatan untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZ SB;
- Memperakukan laporan pelaksanaan program Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Makanan Bulanan, Bantuan Sarahidup dan Bantuan Rawatan / Pembedahan untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Makanan Bulanan, Bantuan Sarahidup dan Bantuan Rawatan / Pembedahan program pembangunan sosial, kebajikan dan kesihatan yang sedia ada untuk kelulusan dan perakuan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Memperakukan cadangan penambahbaikan atau pemansuhan program yang berkaitan dengan untuk kelulusan Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Lain-lain perkara yang berkaitan dengan bantuan Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Makanan Bulanan, Bantuan Sarahidup dan Bantuan Rawatan / Pembedahan tertakluk kepada perakuan jawatankuasa dan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB.

## 7. JAWATANKUASA EKONOMI DAN KEUSAHAWANAN ASNAF

Peranan dan tanggungjawab:

Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincang dan membuat perakuan berhubung perkara-perkara berikut:

- Menggubal dan menyelaras pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan ekonomi dan keusahawanan asnaf di Pulau Pinang untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

# Jawatankuasa Kecil Zakat Pulau Pinang

- Membincang, meneliti serta merancang projek-projek pembangunan ekonomi dan keusahawanan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Menyelaras kegiatan-kegiatan berkaitan kerjasama dua ( 2 ) hala dan pelbagai hala yang melibatkan pelbagai jabatan, organisasi, industri dan perdagangan
- Membincang dan memperakukan cadangan peruntukan belanjawan projek pembangunan ekonomi dan keusahawanan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Menentukan fokus dan hala tuju pembangunan ekonomi dan pembangunan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Menyelaras, memantau, dan melaksana projek-projek pembangunan ekonomi dan keusahawanan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Memperakukan laporan pelaksanaan projek-projek pembangunan ekonomi dan keusahawanan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Memperakukan cadangan penambahbaikan atau penamatan mana-mana projek pembangunan ekonomi dan keusahawanan Asnaf Zakat untuk kelulusan Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Lain-lain perkara yang berkaitan dengan projek-projek pembangunan ekonomi dan keusahawanan Asnaf Zakat tertakluk kepada perakuan jawatankuasa dan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB.

## 8. JAWATANKUASA DERMASISWA PENGAJIAN DAN PENDIDIKAN

Peranan dan tanggungjawab:

Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincang dan membuat perakuan berhubung perkara-perkara berikut:

- Membincang, mencadang dan memperakukan dasar dan strategi yang berkaitan dengan Bantuan Persekolahan, Bantuan Pendidikan termasuk Bantuan Permulaan ke IPT Dalam Negeri / Luar Negara serta Biasiswa untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Menyelesaikan isu-isu dan permasalahan yang berbangkit berhubung bantuan persekolahan dan bantuan pendidikan;
- Mencadang dan memperakukan program pembangunan modal insaniah bagi kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Memperakukan laporan pelaksanaan program bantuan persekolahan, bantuan pendidikan dan program pembangunan modal insaniah untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan bantuan bantuan persekolahan, bantuan pendidikan dan program pembangunan modal insaniah yang sedia ada untuk kelulusan dan perakuan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Memperakukan cadangan penambahbaikan atau pemansuhan program yang berkaitan dengan bantuan persekolahan, bantuan pendidikan dan program pembangunan modal insaniah untuk kelulusan Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Lain-lain perkara yang berkaitan dengan bantuan bantuan persekolahan, bantuan pendidikan dan program pembangunan modal insaniah tertakluk kepada perakuan jawatankuasa dan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB.

# Jawatankuasa Kecil Zakat Pulau Pinang

## 9. JAWATANKUASA PERJAWATAN DAN TATATERTIB

Peranan dan tanggungjawab:

Bidang Tugas :

- Membincang dan memperakukan keputusan tentang struktur perjawatan dan skim perkhidmatan ASUZSB dan lain-lain hal berkaitan perjawatan mengikut keperluan semasa yang telah dikemukakan oleh pihak pengurusan untuk diperakukan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB.

Berkaitan Tatatertib :

- Membincang dan membuat keputusan terhadap kes-kes salah laku disiplin dan tatatertib yang melibatkan semua kakitangan.
- Memperakukan tindakan disiplin yang diambil melalui dokumen-dokumen yang berkaitan seperti surat amaran, memorandum, surat pertuduhan, siasatan dalaman, surat pembelaan diri, surat jawapan serta notis tunjuk sebab untuk perbincangan dan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB.

## 10. JAWATANKUASA SEMAKAN SKIM PERKHIDMATAN

Peranan dan tanggungjawab:

Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincangkan dan membuat perakuan berhubung perkara-perkara berikut:

- Membincang, mencadang dan memperakukan semakan skim lama dan skim baharu kakitangan ASUZSB;
- Menyemak dan mengemaskini skim-skim sedia ada; termasuk skim ASUZSB, PHZ dan Inapan Kasih Sayang;
- Mencadangkan penambahbaikan terma-terma baharu atau pemansuhan terma-terma yang tidak lagi bersesuaian dengan keadaan semasa;
- Lain-lain perkara yang berkaitan dengan semakan skim dan faedah kakitangan yang bersesuaian dan persetujuan Lembaga Pengarah ASUZSB.

## 11. JAWATANKUASA DAKWAH DAN PROMOSI

Peranan dan tanggungjawab:

Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincangkan dan membuat perakuan berhubung perkara-perkara berikut:

- Membincang, mencadang dan memperakukan dasar dan strategi yang berkaitan dengan promosi dan pemasaran zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Menyediakan Pelan Strategik Promosi Dan Pemasaran Zakat;
- Memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan strategi promosi dan pemasaran zakat yang sedia ada;
- Mencadangkan penambahbaikan atau pemansuhan aktiviti yang berkaitan untuk kelulusan Lembaga Pengarah ASUZSB;
- Lain-lain perkara yang berkaitan dengan aktiviti promosi dan pemasaran yang tertakluk kepada perakuan jawatankuasa dan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZ.

# Jawatankuasa Kecil Zakat Pulau Pinang

## 12. JAWATANKUASA TABUNG KEMANUSIAAN

Peranan dan tanggungjawab:

Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincangkan dan membuat perakuan berhubung perkara-perkara berikut:

- Merancang aktiviti tahunan program misi bantuan dan mengenalpasti masyarakat Islam atau pertubuhan yang memerlukan bantuan dan bentuk bantuan yang boleh disalurkan;
- Meluluskan permohonan bantuan/sumbangan kepada pertubuhan di luar Pulau Pinang dan di luar negara;
- Mempercepatkan kelulusan dan penyaluran bantuan bencana kepada masyarakat Islam yang terlibat dengan bencana di seluruh dunia;
- Menyedia dan membentangkan laporan aktiviti dan perbelanjaan Tabung Sukarelawan ASEAN (IWAZA).

## 13. JAWATANKUASA PENYELIDIKAN

Peranan dan tanggungjawab:

Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincang dan membuat perakuan berhubung perkara-perkara berikut:

- Membuat pengawasan dan pemantauan berkenaan pelaporan proses, kawalan dan kewangan dalam projek penyelidikan sebagaimana yang diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah ASUZSB .
- Menyemak dan menilai serta mencadang:

  a. Penyelidikan dan Kumpulan Penyelidik bagi menjalankan penyelidikan di Zakat Pulau Pinang.

  b. Strategi pembangunan penyelidikan yang melibatkan perundingan penyelidikan, persidangan, seminar, bengkel dan aktiviti penyampaian hasil penyelidikan kepada masyarakat Islam.

  c. Keberkesanan penyelidikan yang merangkumi keputusan fatwa (jika perlu), penerbitan jurnal, makalah dan bahan bercetak terhadap hasil penyelidikan.

- Mengkaji laporan daripada Unit Tugas-Tugas Khas (sekiranya ada) untuk memastikan semua isu yang dilaporkan diselesaikan dengan memuaskan dan memperakukan tindakan susulan.
- Meluluskan projek penyelidikan mengikut kelulusan yang dibenarkan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah ASUZSB.

# Imbasan Program Dan Aktiviti 2021

## KALENDER PERISTIWA

### JANUARI

a) Sumbangan bantuan barang keperluan dapur untuk pelajar Tahfiz dan Anak Yatim Darul Tahzhib Maahad Tahfiz Al Quran dan Pengajian Islam Darul Tahzhib (Madrasah Ustaz Shahul Hamid) (Januari 2021)




b) Bantuan kecemasan kepada mangsa kebakaran (Januari 2021)



c) Bengkel Khas Semakan Deraf Peraturan-Peraturan Tadbir Urus Zakat dan Fitrah (Negeri Pulau Pinang) 2021 (Januari 2021)



### FEBRUARI

a) Seminar Online Kaya Harta Kaya Jiwa (Februari 2021)




b) Kunjungan dari Persatuan Pemandu Kereta Sewa Dan Teksi Penang Sentral (Februari 2021)



c) Ringkasan Laporan Prestasi Kutipan & Agihan Zakat di negeri Pulau Pinang bagi tempoh Januari - Disember 2020 (Februari 2021)




## MAC

a) Majlis Penyerahan Laptop Dari Sumber Zakat Melalui Pusat Islam USM Kepada Pelajar Asnaf. (Mac 2021)




b) Majlis Bantuan Rumah Zakat Untuk Keluarga Asnaf (Mac 2021)



c) Majis Hi-Tea Meraikan Wakil Kutipan ZPP (Mac 2021)




## APRIL

a) Program Kembara Dakwah Qaryah Zakat Pulau Pinang (April 2021)



b) Program Iftar Ramadhan 2021 Bersama Ceo MDI Fortune & Ceo Zakat Pulau Pinang (April 2021)



c) Bengkel Pengurusan Amil Zakat Fitrah 1442h/2021 (April 2021)




## MEI

a) Majlis Menandatangani Perjanjian Projek Peladang Usahawan Nanas (Mei 2021)



b) Serahan Saguhati Hari Raya (Mei 2021)



c) Pembayaran Zakat Perniagaan Dari Maybank (Mei 2021)




## JUN

a) Bantuan Makanan Kecemasan ZPP (Jun 2021)




b) Kerja baikpulih rumah asnaf yang memerlukan pembaikan segera (Jun 2021)



c) Majlis Malam Munajat Zakat Pulau Pinang (ZPP) secara LIVE di Facebook ZPP (Jun 2021)



## JULAI

a) Serahan Bantuan Makanan Di Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Seberang Perai Tengah (Julai 2021)



b) Santuni Keluarga Tinggal Di Bangsal (Julai 2021)



c) Yayasan UEM Bersama Zakat Pulau Pinang Bantu Asnaf (Julai 2021)



## OGOS

a) Kelas Online Pulau Pinang Mengajar (Ogos 2021)




b) Ziarah Kasih Asnaf Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) (Ogos 2021)



c) Bantuan kecemasan mangsa kebakaran (Ogos 2021)



## SEPTEMBER

a) Pelepasan Pelajar Pulau Pinang ke Jordan (September 2021)



b) Lawatan kerja dan penyampaian zakat Badan Kebajikan Pelajar-Pelajar Mesir (September 2021)




## OKTOBER

a) Pertemuan rasmi bersama Tuan Yang Terutama (TYT) (Oktober 2021)



b) Lawatan ke Pusat Latihan Zakat (PULAZA) (Oktober 2021)



c) Koperasi Tunas Muda menunaikan zakat perniagaan (Oktober 2021)



## NOVEMBER

a) Penyampaian Zakat Perniagaan *McDonals* (November 2021)




b) Lawatan Kerja Zakat Pulau Pinang ke Lembaga Zakat Negeri Kedah (November 2021)




c) Majlis Penyampaian Sumbangan Akaun SSPN Prime kepada Asnaf di Pulau Pinang (November 2021)




## DISEMBER

a) Majlis Perasmian Projek Peladang Usahawan Asnaf (Disember 2021)



b) Lawatan ke Pusat Jagaan Damai Permai (Disember 2021)



c) Majlis Hi-Tea dan Pembayaran Zakat Korporat (Disember 2021)



## PROGRAM BULAN-BULAN ZAKAT PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG 2021

Penganjuran Majlis Pelancaran Bulan-Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang Tahun 2021 ini merupakan simbolik kepada kemuncak aktiviti-aktiviti berimpak tinggi Zakat Pulau Pinang untuk tahun 2021. Tempoh penganjuran Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang bermula November sehingga Disember 2021.

Bertepatan dengan visi Zakat Pulau Pinang iaitu mengungguli usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah melalui sistem pengurusan zakat yang profesional dan berteknologi.

Objektif penganjuran program bulan-bulan Zakat ini menumpukan kepada tiga (3) aspek utama iaitu;

I. mempromosi dan menyebarluaskan informasi berkaitan kewajipan ibadat zakat dan pengurusan zakat secara profesional.
II. meningkatkan kefahaman dan keyakinan masyarakat bahawa dana Zakat yang diuruskan oleh Zakat Pulau Pinang adalah sebagai pelengkap kepada program-program pemerkasaan pembangunan sosio-ekonomi ummah di Pulau Pinang.
III. meningkatkan kefahaman dan pendedahan kepada masyarakat mengenai kepentingan sistem pengurusan zakat secara digital yang akan diguna pakai oleh Zakat Pulau Pinang bersesuaian dengan teknologi masa kini.

Program yang dijalankan pada Bulan-Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang 2021

| BIL | PROGRAM |
|---|---|
| 1 | Majlis Pelancaran Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang 2021 |
| 2 | Majlis Bantuan Khas Covid Kepada Penerima Bantuan Bulanan Zakat Pulau Pinang - 25 November 2021 |
| 3 | Majlis MOA ZPP-USM Kerjasama Projek MASA@SungaiNibong |
| 4 | Pertandingan Video Tik Tok Sempena Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang |
| 5 | Kuiz Sempena Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang 2021 |
| 6 | Temuramah CEO di Selamat Pagi Malaysia (SPM) |
| 7 | Pertandingan Penulisan Khutbah Zakat Pulau Pinang |
| 8 | Program Khidmat Masyarakat Karnival Usahawan Bumiputra Pulau Pinang (PENBVEX) 2021 |
| 9 | Majlis Penyerahan Sumbangan Mesin Oksigen dan Geran Tahunan Zakat Kepada Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital- Hospital Negeri Pulau Pinang |
| 10 | Bicara KPE bersama Pengerusi Kariah & Penyampaian Saguhati Jawatankuasa Kariah |
| 11 | Kursus Pemasaran Produk Penerima Bantuan Ekuinas |
| 12 | Kursus Berasaskan Nanas di Bengkel Masakan Penaga |
| 13 | My Dhuha Time |
| 14 | Majlis Penyerahan Kunci Skim Inapan Kasih |
| 15 | Majlis Penyerahan Bantuan Mangsa Banjir Yan |
| 16 | Majlis Penyerahan Saguhati Guru Al-Quran |
| 17 | Majlis Hi-Tea Korporat |
| 18 | Majlis Penyerahan Bantuan Dermasiswa dan Pengajian & Saguhati Guru Agama 2021 |
| 19 | Sembang Ilmu |
| 20 | Program Seminar Isu Kefatwaan Zakat (SifZa 2021) |
| 21 | Program MOA Grabcar Sdn. Bhd. |
| 22 | Majlis Perasmian Projek Ladang Nanas |
| 23 | Kunjungan Syarikat Koporat |

## PROGRAM BULAN-BULAN ZAKAT





























## MISI BANTUAN BANJIR

Banjir besar yang melanda Lembah Klang dan kawasan sekitarnya telah menyebabkan banyak kawasan terjejas dan menyebabkan berlakunya banyak kerosakan barangan serta tempat tinggal. Oleh itu, pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) serta agensi-agensi dibawah MAINPP telah menghantar bantuan kepada mangsa banjir. Zakat Pulau Pinang telah mengetuai inisiatif Misi Bantuan Banjir Selangor & Wilayah Persekutuan pada 25 & 26 Disember 2021. Agensi-agensi yang terlibat ialah Wakaf Pulau Pinang, Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, Pertubuhan Islam Antarabangsa (IPSI) dan badan bukan kerajaan (NGO). Acara Pelepasan Misi Bantuan Banjir Selangor & Wilayah Persekutuan oleh agensi-agensi di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dilakukan oleh YB. Dato'Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abd. Rahman Yang DiPertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).









**Selangor**

Aktiviti sukarelawan Misi Bantuan Banjir agensi-agensi di bawah MAINPP membantu warga kerja KAFA Integrasi Nurul Huda, Parit Mahang, Jeram, Selangor








**Wilayah Persekutuan**

Sumbangan kepada mangsa banjir di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan melalui UNISEL untuk diagihkan.






# PROFIL PENGURUSAN





# Pengurusan Tertinggi Zakat Pulau Pinang (ZPP)



**ENCIK AMRAN HAZALI**
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



**ENCIK MOHAMAD KAIRI GHAZALLI**
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (OPERASI)



**ENCIK MOHAMAD FUAD MD ISA**
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PENTADBIRAN)



**TUAN HAJI OMAR IBRAHIM KHALID**
PENGURUS BESAR
JABATAN OPERASI KUTIPAN



**ENCIK RUSLAN HARUN**
PENGURUS BESAR
JABATAN OPERASI AGIHAN



**CIK JAMILAH NOR**
PENGURUS BESAR
JABATAN AKAUN DAN KEWANGAN



**DR. HAJI MOHAMAD SALLEH ABDULLAH**
PENGURUS BESAR
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

# Maklumat Pengurusan

## PENGURUSAN ATASAN

**ENCIK AMRAN BIN HAZALI**
Ketua Pegawai Eksekutif

**ENCIK MOHAMAD FUAD BIN MD ISA**
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pentadbiran)

**ENCIK MOHAMAD KAIRI BIN HAJI GHAZALLI**
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi)

**TUAN HAJI OMAR IBRAHIM BIN KHALID**
Pengurus Besar Jabatan Operasi Kutipan

**ENCIK RUSLAN BIN HARUN**
Pengurus Besar Jabatan Operasi Agihan

**CIK JAMILAH BINTI NOR**
Pengurus Besar Jabatan Akaun & Kewangan

**DR. HAJI MOHAMAD SALLEH BIN ABDULLAH**
Pengurus Besar Jabatan Khidmat Pengurusan

## PENGURUS BAHAGIAN

**TUAN HAJI AZHARI BIN AHMAD**
Pengurus Bahagian
Bahagian Dakwah Am

**ENCIK MAHROOS BIN ABDULLAH**
Pengurus Bahagian
Bahagian Dakwah Korporat

**ENCIK FIRDAUS BIN MOHAMED**
Pengurus Bahagian
Bahagian Khidmat Kaunter

**PUAN SALMI BINTI ABDULLAH**
Pengurus Bahagian
Bahagian Khidmat Majikan

**ENCIK FEROZ HANIFF BIN AZMAI**
Pengurus Bahagian
Bahagian Fitrah & Kafalah

**ENCIK RUSLI BIN ABDUL RAZAK**
Pengurus Bahagian
Bahagian Data Prospek & Khidmat Pembayar

**ENCIK MOHD FAUZULMUNIR BIN ABDUL RAHIM**
Pengurus Bahagian
Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia

**ENCIK KHAIROL AZHAR BIN ZULKIFLI**
Pengurus Bahagian
Bahagian Komunikasi Korporat

**ENCIK SHAZRUL BIN ABDUL SHUKOR**
Pengurus Bahagian
Bahagian Teknologi Maklumat

**ENCIK MUHAMAD SHAHRIL BIN MOHD NASIR**
Pengurus Bahagian
Bahagian Kebajikan Asnaf

**ENCIK MAUDI BIN AZIZAN**
Pengurus Bahagian
Bahagian Keusahawanan Asnaf

**ENCIK ROSDAN BIN MOHAMAD**
Pengurus Bahagian
Bahagian Dermasiswa Pengajian

**ENCIK MOHD JASMIN BIN ABDULLAH**
Pengurus Bahagian
Bahagian Institusi Dan Pendidikan

**ENCIK YUSUP BIN ZAHARI**
Pengurus Bahagian
Bahagian Akaun Zakat

**CIK NORAZA BINTI MOHD SAFAR**
Pengurus Bahagian
Bahagian Aset

**CIK SITI ZAHRA BINTI ABDUL RAOF**
Penolong Pengurus Bahagian
Bahagian Perolehan

**ENCIK MOHD HUSSAIRI BIN ABD MANAP**
Penolong Pengurus Bahagian
Bahagian Perumahan Asnaf

**ENCIK ZAINUDDIN BIN HAMZAH**
Penolong Pengurus Bahagian
Bahagian Projek Khas

**DR. WAFDI AUNI BIN MOHAMED**
Unit Tugas-Tugas Khas

**PUAN NUR AMIRAH ADILAH BINTI ZULKIFLI**
Unit Audit Dalam

**PUAN SITI NORASHIEMA BINTI MOHD SUFIAN**
Unit Pengurusan Kualiti

**PUAN NADRAH BINTI RASHIDI**
Unit Undang-Undang

# CARTA ORGANISASI ZAKAT PULAU PINANG (ZPP)

- AHLI LEMBAGA PENGARAH
  - KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
    - SETIAUSAHA KEPADA KPE
    - UNIT TUGAS-TUGAS KHAS
    - HISBAH & INTEGRITI
      - UNIT AUDIT DALAMAN
      - UNIT PENGURUSAN KUALITI
      - UNIT UNDANG-UNDANG
    - TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (OPERASI)
      - PENGURUS BESAR JABATAN OPERASI KUTIPAN
      - PENGURUS BESAR JABATAN OPERASI AGIHAN
    - TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PENTADBIRAN)
      - PENGURUS BESAR JABATAN AKAUN & KEWANGAN
      - PENGURUS BESAR JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

## JABATAN OPERASI KUTIPAN

- BHGN. DAKWAH AM
- BHGN. DAKWAH KORPORAT
- BHGN. KHIDMAT KAUNTER
- BHGN. KHIDMAT MAJIKAN
- BHGN. FITRAH & KAFALAH
- BHGN. DATA PROSPEK & KHIDMAT PEMBAYAR

## JABATAN OPERASI AGIHAN

- BHGN. KEBAJIKAN ASNAF
- BHGN. DERMASISWA PENGAJIAN
- BHGN. PERUMAHAN ASNAF
- BHGN. PRKHIDMATAN KESIHATAN
- BHGN. PROJEK KHAS
- BHGN. KEUSAHAWANAN ASNAF
- BHGN. INSTITUSI & PENDIDIKAN
  - INAPAN KASIH SAYANG (IKS)

## JABATAN AKAUN & KEWANGAN

- BHGN. AKAUN
- BHGN. ASET

## JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

- BHGN. PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA
- BHGN. PEROLEHAN
- BHGN. KOMUNIKASI KORPORAT
- BHGN. TEKNOLOGI MAKLUMAT

## PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

**a) Bahagian Hisbah dan Integriti**

Hisbah & Integriti merupakan bahagian di bawah pejabat Ketua Pegawai Eksekutif (PKPE) yang ditubuhkan pada 1 Januari 2020 selaras dengan penstrukturan semula carta organisasi ZPP. Terdapat 3 unit di bawah Hisbah & Integriti iaitu Unit Audit Dalam, Unit Undang-Undang dan Unit Pengurusan Kualiti.

i. Unit Audit Dalam

Unit Audit Dalam (UAD) merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi. UAD menjalankan pengauditan secara bebas dan melaporkan hasil pengauditan tersebut kepada Jawatankuasa Audit, Risiko dan Integriti (JARI) dan pihak yang berkaitan. UAD tidak boleh mempunyai tanggungjawab ke atas fungsi pentadbiran atau pembangunan/ pelaksanaan sistem ZPP.

Rancangan Audit Tahun 2021 UAD telah diluluskan semasa Mesyuarat JARI Bil. 1/2020 bertarikh 23 Disember 2020 meliputi Pengauditan Penyediaan SOP, Pengauditan Pengurusan Perolehan dan Pengauditan Pengurusan Kenderaan Syarikat. Pindaan terhadap Rancangan Audit Tahun 2021 telah dibuat dan diluluskan semasa Mesyuarat JARI Bil 2/2021. Pindaan dibuat mengikut keputusan Mesyuarat JARI Bil.1/2021yang memutuskan supaya UAD memfokuskan Pengauditan SOP di Bahagian Aset dan Bahagian Perolehan. Pada tahun 2021, UAD telah selesai melaksanakan Pengauditan SOP di Bahagian Aset dan Bahagian Perolehan.

Kedudukan pelaksanaan audit bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

| BIL | PERKARA | RANCANGAN (PINDAAN) | PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| i | SOP Bahagian Aset | April – Jun 2021 | 23 Julai 2021 |
| ii | SOP Bahagian Perolehan | Julai – Disember 2021 | 17 November 2021 |

ii. Unit Undang-Undang

Objektif utama penubuhan Unit Undang-Undang (UUU) ini adalah untuk memberi khidmat nasihat perundangan dari segi pengurusan pentadbiran, pembelian, kewangan dan perkhidmatan kepada jabatan, bahagian, Unit di Zakat Pulau Pinang selaras dengan undang-undang yang telah digubal oleh Kerajaan.

Pada tahun 2021, aktiviti yang telah dijalankan oleh Unit Undang-Undang adalah seperti berikut:

| TARIKH | NAMA PROGRAM | TEMPAT | OBJEKTIF |
|---|---|---|---|
| 07 Mei 2021 | Majlis Penandatanganan Perjanjian Antara ZPP MAINPP dan Peserta Tanaman Nanas. | Zakat Pulau Pinang (Ibu Pejabat) | Membantu Peserta dari golongan asnaf dalam mendapatkan latihan kemahiran berkaitan kerja-kerja penanaman pokok dan pengurusan ladang nanas |
| 23 Nov 2021 | Majlis Penandatanganan Memorandum Perjanjian (MOA) Projek Masa @ Sungai Nibong | Dewan Bankuet, USM,P.Pinang | Mewujudkan kerjasama antara ZPP MAINPP dan ISDEV, USM dalam usaha membangunkan taraf hidup golongan asnaf. |

| TARIKH | NAMA PROGRAM | TEMPAT | OBJEKTIF |
|---|---|---|---|
| 15 Dec 2021 | Majlis Penandatanganan Perjanjian Wakil Kutipan Grabcar Sdn. Bhd. | Ixora Hotel, Penang | Mewujudkan kerjasama antara ZPP MAINPP dengan Grabcar Sdn.Bhd dalam usaha untuk meningkatkan hasil kutipan zakat dari kalangan pemandu dan penunggang Grab. |

iii. Unit Pengurusan Kualiti

Unit Pengurusan Kualiti (UPK), Bahagian Hisbah dan Integriti adalah diwujudkan pada tahun 2020 bertujuan untuk mengukuhkan tadbir urus korporat supaya bertepatan dengan amalan terbaik *(best practices)* dengan mendapatkan pengiktirafan antarabangsa melalui pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Kualiti berasaskan Syariah MS 1900:2014.

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Shariah telah dimulakan dengan pelaksanaan Kursus Kesedaran MS ISO 9001:2015 dan MS 1900: 2014 pada 11 – 12 Ogos 2021 secara atas talian. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan tentang *Standart* MS ISO 9001:2015 dan MS 1900:2014 serta pelaksanaannya di Zakat Pulau Pinang.

## b) Unit Tugas-Tugas Khas

Bermula 1 Januari 2020, Jabatan Pembangunan dan Penyelidikan, Analisa dan Statistik telah ditransformasikan dan diletakkan di bawah Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif (PKPE). Ia dijenamakan semula dengan nama Unit Tugas-Tugas Khas (UTTK) selaras dengan penstrukturan semula organisasi ZPP.

UTTK merupakan unit yang menguruskan keperluan penyelidikan dan pembangunan Zakat Pulau Pinang dan memberi khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi serta memantau isu-isu akan berbangkit *(emerging issues)* dan melapor kepada Ketua Pegawai Eksekutif ZPP.

### Penyelidikan

a) Kajian Hukum Pembayaran Zakat Melalui e-Wallet di Zakat Pulau Pinang
   - Unit Tugas-Tugas Khas

b) Kajian Zakat Emas Perhiasan Berdasarkan Uruf: Kajian Ke Atas Wanita Islam Negeri Pulau Pinang
   - Kumpulan Penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Mara Pulau Pinang (UiTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

### Penerbitan

1. Kad Laporan Prestasi ZPP Tahun 2021
2. Buku Rekayasa Zakat
3. Buku Laporan Tahunan Zakat Pulau Pinang 2020

4. Kertas Prosiding Seminar
   1) Penentuan Had Kifayah Asnaf Negeri Pulau Pinang
   2) Penentuan Zakat Emas Perhiasan Berdasarkan Uruf Terhadap Wanita Islam Negeri Pulau Pinang

### Seminar

1. Mesyuarat Khas Fatwa Zakat 2021 (4 April 2021)

2. Seminar Isu Kefatwaan Zakat 2021 (15 Disember 2021)

## SIRI PEMBENTANGAN ZAKAT PULAU PINANG 2021

### MESYUARAT KHAS JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG BIL.1/2021



Pembentangan oleh kakitangan ZPP dan penyelidik/wakil agensi luar yang dijemput sempena Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.1/2021 pada 4 April 2021 di Ixora Hotel anjuran Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dan Jawatankuasa Panel Syariah Zakat Pulau Pinang yang membahaskan secara khusus mengenai hukum syarak dan fatwa zakat di Pulau Pinang. Sebanyak 12 kertas permohonan fatwa dibentangkan seperti berikut:

1. Kajian Penentuan Kadar Uruf Pemakaian Emas Perhiasaan Dalam Kalangan Wanita Islam Negeri Pulau Pinang.
2. Permohonan Pandangan Hukum Aplikasi E-Wallet Sebagai Alat Pembayaran Zakat.
3. Permohonan Pandangan Hukum Cadangan Berkenaan Kerjasama Zakat Rakan Pemandu Dan Penghantar GRABCAR Dalam Pembayaran Zakat.
4. Permohonan Pandangan Hukum Pelaksanaan Kaedah Penetapan Haul Zakat Harta.
5. Permohonan Pandangan Hukum Mengenai Cadangan Pemberian Modal Tambahan Usahawan Asnaf Fakir Miskin Melalui Bantuan Asnaf Fisabilillah.
6. Permohonan Pandangan Hukum Menggandakan Fidyah Atau Tidak Dalam Kes Tertangguh.
7. Pandangan Hukum Status Asnaf Bagi Projek-Projek Yang Menggunakan Wang Zakat (Tawaquf).
8. Permohonan Pandangan Hukum Menghapuskira Cek-Cek Dikembalikan (Pindaan Pada Cek, Kesilapan Tarikh Dan Tandatangan) Yang Tidak Dapat Dituntut Semula Daripada Pembayar.
9. Permohonan Pandangan Hukum Kaedah Memproses Terimaan Wang Dikreditkan Ke Akaun Bank Zakat Yang Tidak Dapat Dikenalpasti Pembayar Atau Maklumat Tidak Lengkap.
10. Permohonan Pandangan Hukum Penggunaan Dana Tawaqquf Sebanyak RM 1,200,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta Dua Ratus Ribu Sahaja) Untuk Pelaksanaan Program KAFA Menengah Pulau Pinang Yang Dikendalikan Oleh Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP).
11. Permohonan Pandangan Hukum Mengenai Caruman Sukarela Bagi Peserta i-Suri oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).
12. Permohonan Pandangan Hukum Mengenai Kerjasama Inisiatif Kewangan Sosial: Pembiayaan Peribadi-I Asnaf dan Program Pembiayaan Mikro I-Tekad oleh Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

## SIRI PEMBENTANGAN

### LIVE WEBINAR COVID-19 PANDEMIC CREATING NEW CHALLENGES AND NEW NORMAL IN PERFORMANCE MANAGEMENT PRACTICES




---

Ucaptama oleh YBrs. Encik Amran bin Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP yang bertajuk "Managing Performance Measurement During Covid-19 Pandemic" pada 1 Ogos 2021 anjuran Social Security Management Center of Exellence (SosCoE), School of Business Management Universiti Utara Malaysia (UUM)

### MUZAKARAH ZAKAT KEBANGSAAN 2021




---

Pembentangan oleh YBrs. Encik Amran bin Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP yang bertajuk "Mendepani Ribut Covid-19: Strategi Zakat Pulau Pinang Melalui Skim Bantuan Khas Zakat Covid-19 (SBKZC19)" pada 2 September 2021 anjuran Institut Fatwa dan Halal (IFFAH), Universiti Sains Malaysia (USIM)

## SIRI PEMBENTANGAN

### PERASMIAN BULAN ZAKAT & WAQAF PERINGKAT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA TAHUN 2021




Ucaptama oleh YBrs. Encik Amran bin Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP yang bertajuk "Sinergi Pemerkasaan Zakat di Universiti" pada 29 September 2021 anjuran Pusat Islam Universiti Sains Malaysia

### BAYYAN AMILIN KHAS LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH




Pembentangan oleh YBrs. Tuan Haji Azhari bin Ahmad, Pengurus Bahagian Dakwah Am ZPP yang bertajuk "Tunaikan Zakat Mengikut Taksiran Yang Betul" pada 30 November 2021 anjuran Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)

## SIRI PEMBENTANGAN

### WEBINAR ANTARABANGSA FIQH ZAKAT PANDEMIK 2021: PENGALAMAN MALAYSIA - INDONESIA




Ucaptama oleh YBrs. Dr. Wafdi Auni bin Mohamed, Pegawai Khas kepada Ketua Pegawai Eksekutif ZPP yang bertajuk “Pengurusan Zakat Pandemik: Pengalaman Zakat Pulau Pinang” pada 6 Disember 2021 anjuran Institut Fatwa dan Halal (IFFAH), USIM dan Fakultas Ilmu Agama Islam, Universitas Islam Indonesia (UII) dengan kerjasama Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS)

### SEMINAR ISU KEFATWAAN ZAKAT 2021 (SiFZA 2021)




YBrs. Ustaz Muhammad Shahril bin Mohd Nasir, Pengurus Bahagian Kebajikan Asnaf ZPP sebagai Moderator dalam Seminar Isu Kefatwaan Zakat 2021 (SifZa2021) pada 15 Disember 2021 di Ixora Hotel, Prai Pulau Pinang.

# SEKTOR PENGURUSAN
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

## 1) BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

Bahagian Pentadbiran Dan Sumber Manusia (BPSM) adalah bahagian di bawah Jabatan Khidmat Pengurusan (JKP). BPSM merupakan bahagian yang memberikan khidmat sokongan kepada kakitangan di semua jabatan / bahagian dalam aspek pengurusan, perjawatan dan pembangunan sumber manusia. Tugas-tugas BPSM meliputi aspek-aspek pentadbiran am, penggajian, pembangunan sumber manusia dan organisasi seperti urusan pengambilan kakitangan, latihan dan kursus, penstrukturan semula organisasi, pertukaran kakitangan, tatatertib, kebajikan dan persaraan yang merangkumi perkara-perkara berikut:

i) Memastikan keperluan tenaga kerja adalah mencukupi dan bersesuaian dengan keperluan fungsi dan peranan Zakat Pulau Pinang.

ii) Memastikan latihan dan kursus kakitangan berjalan lancar mengikut perancangan.

iii) Memastikan prestasi kakitangan dinilai setiap tahun untuk pengiktirafan dan pembangunan kerjaya kakitangan.

iv) Menguruskan pembayaran gaji bulanan kepada semua kakitangan mengikut waktu pembayaran yang ditetapkan.

v) Memastikan disiplin kakitangan sentiasa berada di tahap yang baik dan mengambil tindakan ke atas kakitangan yang melanggar peraturan.

vi) Memastikan Sistem Pengurusan Sumber Manusia dapat diuruskan melalui sistem terkini untuk perkhidmatan yang lebih sistematik.

Bagi mencapai Modul KPI kakitangan dan Sistem KPI yang dibangunkan, pelbagai aktiviti seperti program, bengkel serta kursus yang telah dijalankan oleh BPSM pada tahun 2021. Selain itu, sesi temuduga penjawatan juga dijalankan bagi mengisi beberapa kekosongan jawatan yang dibuka pada tahun tersebut.




Graf 1: Jumlah Kursus/Bengkel/Program




Graf 2: Statistik temuduga perjawatan tahun 2021

## 2) BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) merupakan bahagian yang berada di bawah seliaan Jabatan Khidmat Pengurusan. BTM mempunyai seramai 7 orang kakitangan yang bertindak dan menguruskan hal berkaitan pengurusan dan pembangunan sistem / aplikasi, infrastruktur dan sistem rangkaian, keselamatan serta hal ehwal berkaitan IT.

Fungsi-fungsi dan tugas sedia ada BTM merangkumi perkara-perkara berikut:

i) Membangun, melaksana dan menyenggara sistem aplikasi/sistem

ii) Memantau dan mengurus program atau projek-projek IT

iii) Mengurus dan menyelaras infrastruktur, perkhidmatan dan keselamatan IT

iv) Merancang, menyelaras dan melaksana perolehan IT

v. Merancang, menyenggara dan menaiktaraf kemudahan IT mengikut keperluan pengguna

vi. Menyediakan kemudahan sokongan teknikal dan bantuan khidmat nasihat berhubung perlaksanaan IT

vii. Merancang dan melaksanakan kursus dan bengkel bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran IT.

**AKTIVITI BTM TAHUN 2021**

PELAKSANAAN SISTEM TAHUN 2021

| PERKARA / AKTIVITI | 2021 | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | JAN | FEB | MAC | APR | MEI | JUN | JUL | OGO | SEP | OKT | NOV | DIS |
| Latihan Dan Konfigurasi Sistem ERP | ■ | ■ | ■ | | | | | | | | | |
| Pelaksanaan Sistem ERP | | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ |
| Pelaksanaan Sistem Bantuan Nur Ramadhan | | | ■ | | | | | | | | | |
| Pembangunan Portal zakatpenang2u.com | ■ | ■ | ■ | ■ | | | | | | | | |
| Pembangunan Modul Permohonan Dermasiswa | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | | | | | | |
| Pembangunan Modul Bantuan Khas Covid | | | | | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | | | |
| Pembangunan Modul Permohonan IPT | | | | | | | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ |
| Pembangunan Modul Permohonan Perniagaan – Ekuinas | | | | | | | | | ■ | ■ | ■ | |
| Pembangunan Modul Pakaian Seragam Sekolah | | | | | | | | | ■ | ■ | ■ | ■ |
| Perbincangan Dan Pembentangan Timeline Bersama Vendor | | | | | | | | | | | | ■ |
| Perbincangan Modul Agihan Bersama Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Operasi Dan Bahagian | | | | | | | | | | | | ■ |
| Perbincangan Modul Potongan Gaji Dan Akaun Bersama Bahagian | | | | | | | | | | | | ■ |
| Menyenaraikan Keperluan Sistem | | | | | | | | | | | | ■ |
| Pembangunan Mobile Apps Versi Android | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | | | | | | |
| Pembangunan Mobile Apps Versi IOS | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ |
| Pembangunan Sistem Direktori Perniagaan | | | | | | | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | |
| Pembangunan Sistem Aduan Kakitangan | | | | | | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ |

PELAKSANAAN TEKNIKAL/PERKAKASAN ICT TAHUN 2021

| PERKARA / AKTIVITI | 2021 | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | JAN | FEB | MAC | APR | MEI | JUN | JUL | OGO | SEP | OKT | NOV | DIS |
| Pembelian PC/Laptop/Printer | ■ | ■ | ■ | | | | | | | | | |
| Pembelian Lesen Perisian | | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ |
| Pembekalan Toner | | | ■ | | | | | | | | | |
| Pemasangan Network Attached Storage (NAS) | ■ | ■ | ■ | ■ | | | | | | | | |
| Pemasangan Uninterruptible Power Supply (UPS) | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | | | | | | |
| Pembelian Zoom Pro Account Untuk Online Meeting | | | | | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | | | |
| Pemasangan Conferencing System Untuk Bilik Mesyuarat | | | | | | | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ |
| Pembelian Server | | | | | | | | | ■ | ■ | ■ | |
| Pembelian IC Card Reader | | | | | | | | | ■ | ■ | ■ | ■ |
| Pemasangan Kiosk Bayaran | | | | | | | | | | | | ■ |

### 3) BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Bahagian Komunikasi Korporat (BKOM) yang berada di bawah Jabatan Khidmat Pengurusan dalam mengurus program komunikasi korporat, pengurusan media dan publisiti. Di samping itu, BKOM juga bertindak sebagai baris hadapan dalam menguruskan perkhidmatan pelanggan serta aduan awam yang dibuat melalui media sosial. Bagi tahun 2021, BKOM dipertanggungjawabkan untuk memberi penekanan lebih kepada promosi secara digital. Media arus perdana, media digital dan promosi di lapangan antara kaedah yang digunakan bagi mempromosikan Zakat Pulau Pinang kepada masyarakat. ZPP mempunyai 5 media sosial rasmi untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat yang diuruskan oleh BKOM.

a. Media sosial ZPP dan jumlah followers (setakat Jan - Dis 2021) adalah seperti berikut:




Antara aktiviti yang dijalankan pada tahun 2021 adalah seperti berikut:

i) Pemasangan banner pada trailer Misi Bantuan Banjir Selangor & Wilayah Persekutuan
ii) Pengiklanan di Mydin Mall Bukit Mertajam
iii) Pengiklanan di bas RapidPenang serta billboard
iv) Poster bantuan Khas Covid-19 dan banner di masjid sekitar Pulau Pinang
v) Penerbitan buletin zakat
vi) Kerjasama selebriti dan media *social influencer*
vii) Video Jurnal Team Peduli Asnaf (20 *episode*)
viii) Promosi melalui Radio Televisyen Malaysia (RTM), Sinar Harian, Tv Al-Hijrah serta radio tempatan seperti ERA FM dna Sinar FM
ix) Poster Trivia ZPP, WhatsApp Blast, Poster Kempen ZPP
x) Pertandingan video Tiktok dan Facebook LIVE
xi) Video infografik dan video pendek
xii) Iklan di Medkad Apps
xiii) Kuiz sempena Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang 2021

## AKTIVITI BKOM TAHUN 2021
























## AKTIVITI BKOM TAHUN 2021


















# LAPORAN OPERASI





## ANALISIS KUTIPAN DAN AGIHAN 2021

KUTIPAN

a) Zakat Keseluruhan 2017-2021

| TAHUN | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM |
| Jumlah Keseluruhan | 96,639,699.72 | 114,826,389.91 | 116,364,840.21 | 125,297,037.26 | 141,260,987.19 |

b) Bilangan Pembayar 2017-2021

| TAHUN | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 |
|---|---|---|---|---|---|
| | Muzakki | Muzakki | Muzakki | Muzakki | Muzakki |
| Jumlah | 65,486 | 65,706 | 67,149 | 70,677 | 74,183 |

c) Zakat melalui Portal 2021

| BULAN | JUMLAH KUTIPAN | BILANGAN PEMBAYAR |
|---|---|---|
| Januari | 24,003.80 | 47 |
| Februari | 21,893.01 | 44 |
| Mac | 66,024.08 | 108 |
| April | 71,852.48 | 137 |
| Mei | 235,762.07 | 257 |
| Jun | 98,674.25 | 151 |
| Julai | 94,503.81 | 168 |
| Ogos | 129,687.16 | 216 |
| September | 139,168.14 | 270 |
| Oktober | 184,758.64 | 313 |
| November | 155,648.11 | 245 |
| Disember | 2,031,000.78 | 1,424 |
| **Jumlah** | **3,252,976.33** | **3,380** |

d) Skim Sakinah

| TAHUN | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM |
| Jumlah | 48,081,318.64 | 48,577,389.22 | 52,468,322.26 | 58,245,495.91 | 60,587,491.17 |

| | 2021 | | | 2020 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| BULAN | JUMLAH | BIL PENCARUM | BIL MAJIKAN | JUMLAH | BIL PENCARUM | BIL MAJIKAN |
| Januari | 2,887,588.81 | 34,256 | 2,619 | 3,333,441.82 | 39,876 | 2,663 |
| Februari | 4,374,223.55 | 45,826 | 3,248 | 3,525,223.73 | 42,044 | 2,887 |
| Mac | 4,664,482.33 | 45,372 | 3,337 | 2,423,584.27 | 25,629 | 2,335 |
| April | 5,100,154.59 | 45,225 | 3,354 | 5,007,079.20 | 33,339 | 1,811 |
| Mei | 3,913,503.83 | 42,965 | 3,332 | 3,117,399.11 | 23,500 | 2,692 |
| Jun | 4,174,129.64 | 41,973 | 3,144 | 5,965,009.56 | 41,876 | 3,167 |
| Julai | 4,268,049.62 | 41,087 | 2,347 | 4,973,862.88 | 45,599 | 3,269 |

| | 2021 | | | 2020 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| BULAN | JUMLAH | BIL PENCARUM | BIL MAJIKAN | JUMLAH | BIL PENCARUM | BIL MAJIKAN |
| Ogos | 4,056,000.12 | 42,049 | 3,134 | 4,073,789.93 | 44,864 | 3,121 |
| September | 4,832,732.99 | 45,075 | 3,324 | 3,986,181.65 | 45,351 | 3,243 |
| Oktober | 4,252,151.73 | 40,402 | 3,186 | 3,692,233.97 | 43,581 | 3,034 |
| November | 4,410,422.37 | 45,453 | 3,230 | 4,768,255.28 | 46,082 | 3,341 |
| Disember | 13,694,403.09 | 46,535 | 3,414 | 13,379,824.51 | 47,517 | 3,544 |

e) Zakat Fitrah 2017-2021

| TAHUN | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM |
| Jumlah | 4,814,733.00 | 4,907,823.00 | 5,066,361.00 | 5,560,586.81 | 6,027,987.19 |

f) Kutipan mengikut kaunter 2021

| CAWANGAN | JUMLAH (RM) |
|---|---|
| Bandar Perda | 114,480,106.45 |
| Butterworth | 2,276,697.19 |
| Georgetown | 4,430,170.07 |
| Bayan Baru | 6,717,951.32 |
| Balik Pulau | 947,195.54 |
| Kepala Batas | 7,022,502.39 |
| Nibong Tebal | 1,746,461.72 |
| Masjid Negeri | 301,356.70 |
| Kaunter Bergerak | 43,941.00 |

AGIHAN

a) Agihan zakat keseluruhan 2017 - 2021

| TAHUN | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM |
| Jumlah | 99,782,721.00 | 101,010,171.00 | 110,989,506.99 | 114,542,701.07 | 126,561,007.06 |

| ASNAF | AGIHAN TERKUMPUL (RM) | |
|---|---|---|
| | 2021 | 2020 |
| Fakir | 6,766,627.01 | 5,235,436.93 |
| Miskin | 31,368,895.09 | 38,855,408.47 |
| Amil | 18,410,704.89 | 16,415,601.32 |
| Muallaf | 2,500,000.00 | 1,500,000.00 |
| Ghorimin | 3,477,976.45 | 3,040,879.29 |
| Ibnu Sabil | 205,000.00 | 45,157.90 |
| Fisabilillah | 63,831,873.62 | 49,450,217.16 |
| **Jumlah Agihan** | **126,561,077.06** | **114,542,701.07** |

b) Jumlah penerima asnaf mengikut kategori 2020-2021

| ASNAF | BILANGAN PENERIMA | |
|---|---|---|
| | 2021 | 2020 |
| Fakir | 4,040 | 4,496 |
| Miskin | 39,229 | 36,414 |
| Amil | 234 | 237 |
| Muallaf | 1 | 1 |
| Ghorimin | 436 | 449 |
| Ibnu Sabil | 101 | 26 |
| Fisabilillah | 9,568 | 10,389 |
| **Jumlah Agihan** | **53,609** | **52,012** |

c) Agihan zakat berdasarkan institusi pembangunan asnaf 2021




d) Agihan zakat mengikut sektor



# LAPORAN OPERASI KUTIPAN

## JABATAN OPERASI KUTIPAN

Jabatan Operasi Agihan (JOK) adalah jabatan utama yang menjadi nadi penggerak kepada Zakat Pulau Pinang (ZPP). Fungsi utama JOK ialah merancang dan melaksanakan aktiviti dakwah zakat yang merangkumi kutipan zakat harta dan zakat fitrah. JOK diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh 6 pengurus bahagian.

## BAHAGIAN DAKWAH AM (BDA)

Bahagian Dakwah Am merupakan salah satu bahagian di bawah Jabatan Operasi Kutipan Zakat Pulau Pinang. Bahagian ini merupakan salah satu bahagian yang melaksanakan aktiviti dan kempen dakwah zakat di seluruh negeri Pulau Pinang. Bahagian Dakwah Am ini juga berperanan memberi kesedaran berzakat kepada seluruh umat Islam khususnya di negeri Pulau Pinang bagi melaksanakan ibadat zakat melalui Zakat Pulau Pinang sebagai amil yang dilantik oleh *ulil Amri.*

## BIDANG TUGAS

Bahagian Dakwah Am merupakan salah satu bahagian yang berfungsi bagi melaksanakan dan menjalankan aktiviti dakwah zakat di seluruh negeri Pulau Pinang seperti ceramah, taklimat, khutbah, kaunter di agensi-agensi kerajaan dan swasta serta melalui media sosial. Antara Peranan dan Fungsi Bahagian Dakwah Am:

1. Merancang program dan aktiviti penerangan dan dakwah.
2. Melaksanakan program dan aktiviti penerangan dan dakwah.
3. Menyusun dan melaksanakan program serta aktiviti permohonan jemputan dari luar.
4. Menjawab persoalan dan isu semasa zakat di media sosial.
5. Menjalinkan kerjasama dengan bahagian-bahagian lain.
6. Mengurus dan memproses permohonan wakalah.

## SENARAI WAKIL KUTIPAN ZAKAT (WAKALAH) ZPP 2021

| BIL | NAMA |
|---|---|
| 1 | HIDAYAH CENTRE FOUNDATION |
| 2 | IPSI |
| 3 | MAAHAD ADDA'WAH AL ISLAMIAH |
| 4 | MAAHAD DARUT TAUJIH |
| 5 | MAAHAD TAHFIZ DARUS SAADAH |
| 6 | MADRASAH ABU BAKAR |
| 7 | MAPIM |
| 8 | MAWAR SUTERA PULAU PINANG |
| 9 | PUSAT PENGAJIAN DARUL HADIS |
| 10 | SEKOLAH MENENGAH AGAMA IBRAH |
| 11 | SEKOLAH RENDAH AL ITQAN |
| 12 | SEKOLAH RENDAH ISLAM AL ANSAR |
| 13 | SEKOLAH RENDAH ISLAM AL IKRAM |
| 14 | SEKOLAH RENDAH ISLAM BAHRUL ULUM |
| 15 | SURAU AR-RIDHUAN PGR |
| 16 | SUTERA |
| 17 | YAYASAN MAWAR |
| 18 | SRITI DARUL HADIS |
| 19 | SRITI FATHUL ARIFFIN |
| **JUMLAH KESELURUHAN KUTIPAN WAKIL** | **RM 3,969,588.55** |

**Jumlah wakil kutipan zakat (wakalah) ZPP 2021 sebanyak 19 institusi**

**Jumlah keseluruhan bagi wakil kutipan zakat (Wakalah) ZPP 2021 ialah RM 3,969,588.55**

## AKTIVITI YANG DIJALANKAN

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | Sepanjang tahun 2021 |
| NAMA PROGRAM | : | Video Pendek Bahagian Dakwah Am |
| TEMPAT | : | Media Sosial |
| OBJEKTIF | : | Menyampaikan Dakwah Am Kempen berzakat |

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | Sepanjang tahun 2021 |
| NAMA PROGRAM | : | My Dhuha Time |
| TEMPAT | : | Media Sosial |
| OBJEKTIF | : | Menyampaikan Dakwah Am Kempen berzakat |

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | Sepanjang tahun 2021 |
| NAMA PROGRAM | : | TikTok Zakat |
| TEMPAT | : | Media Sosial |
| OBJEKTIF | : | Menyampaikan Dakwah Am Kempen berzakat |

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | Sepanjang tahun 2021 |
| NAMA PROGRAM | : | Slot Maneh-Maneh di ZPP |
| TEMPAT | : | Media Sosial |
| OBJEKTIF | : | Menyampaikan Dakwah Am Kempen berzakat |

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | 18 Oktober 2021 |
| NAMA PROGRAM | : | Ceramah Maulidur Rasul SAW oleh Ust Don Daniyal |
| TEMPAT | : | Media Sosial |
| OBJEKTIF | : | Menyampaikan dakwah |

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | 11 November 2021 |
| NAMA PROGRAM | : | Pertandingan Penulisan Khutbah Zakat |
| TEMPAT | : | Media Sosial |
| OBJEKTIF | : | Mencungkil bakat penulis khutbah |

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | 7 Disember 2021 |
| NAMA PROGRAM | : | Bicara Ilmu Ustazah Asma Harun |
| TEMPAT | : | Media Sosial |
| OBJEKTIF | : | Menyampaikan dakwah dalam kalangan wanita |

## AKTIVITI BAHAGIAN DAKWAH AM (BDA)













## BAHAGIAN DAKWAH KORPORAT (BDK)

Bahagian Dakwah Korporat (BDK) adalah salah satu bahagian yang diletakkan di bawah Jabatan Operasi Kutipan. BDK merupakan salah satu bahagian yang berfungsi untuk melakukan taksiran ke atas pelbagai sektor perniagaan di sekitar Pulau Pinang. Sektor perniagaan yang merangkumi, perniagaan tunggal, syarikat perkongsiaan dan Koperasi mempunyai cara taksiran yang berbeza. Justeru peranan yang dimainkan oleh BDK sangat diperlukan untuk memastikan perkara teknikal berkaitan taksiran zakat perniagaan dapat dilakukan dengan sebaik mungkin. Fokus utama BDK dalam mempelbagaikan dakwah seruan zakat perniagaan merangkumi 4 elemen penting yang diguna pakai iaitu kaedah kunjungan, temujanji, taksiran dan kutipan.

### BIDANG TUGAS

1. Membantu Pengurus Besar dalam urusan kempen dan taksiran Zakat Perniagaan.
2. Memberi bimbingan dan penerangan taksiran Zakat Perniagaan kepada pihak NGO, syarikat dan individu.
3. Melakukan taksiran zakat kepada semua jenis perniagaan sama ada kecil atau besar.

4. Mengadakan sesi kunjungan ke premis perniagaan.
5. Merekod maklumat perniagaan melalui soal selidik atau aktiviti gempur perniagaan mengikut kawasan.
6. Membuat follow up iaitu peringatan pembayaran zakat perniagaan setelah haul zakat sampai.
7. Melakukan aktiviti kutipan zakat kepada syarikat dan individu.
8. Melakukan aktiviti mempromosikan zakat.
9 Menyediakan laporan bulanan atau tahunan petunjuk prestasi.
10 Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**Jumlah kutipan keseluruhan bagi zakat korporat ialah RM25,497,847.69**
**Jumlah bilangan syarikat ialah 2839**

## AKTIVITI YANG DIJALANKAN

| | | |
|---|---|---|
| NAMA PROGRAM | : | Promosi Poster Zakat Perniagaan Ketika Pandemik Tahun 2021 |
| TEMPAT | : | Fb/ Whatspp Link/ Buletin ZPP/ Lcd Utama Mydin |
| OBJEKTIF | : | Sebar Informasi Kempen Zakat Perniagaan Di Semua Platform Media |

| | | |
|---|---|---|
| NAMA PROGRAM | : | Coffe Talk/ Lunch Talk/ Virtual |
| TEMPAT | : | Google Meet/ FB Live |
| OBJEKTIF | : | Penerangan berkenaan taksiran zakat perniagaan dan menambahkan lagi pembayar zakat perniagaan |

| | | |
|---|---|---|
| NAMA PROGRAM | : | Penganjuran Majlis Pembayaran Zakat Korporat |
| TEMPAT | : | Iconic Hotel Bukit Tengah |
| OBJEKTIF | : | Meraikan Pembayar Zakat Korporat |

| | | |
|---|---|---|
| NAMA PROGRAM | : | Program Turun Padang *Top Management* |
| TEMPAT | : | Restoran Hameediyah, Masjid Kapitan Keling & Hotel E & O Bersama Dato Sri Mahadi |
| OBJEKTIF | : | Memberi pendedahan dan mencari pembayar baru |

| | | |
|---|---|---|
| NAMA PROGRAM | : | Poster Kempen Di Seluruh Masjid Pulau Pinang |
| TEMPAT | : | Masjid di sekitar Pulau Pinang |
| OBJEKTIF | : | Sebar informasi zakat perniagaan |

## AKTIVITI BAHAGIAN DAKWAH KORPORAT (BDK)




















## BAHAGIAN FITRAH DAN KAFALAH

Bahagian Fitrah dan Kafalah (BFK) merupakan bahagian yang berfungsi mengelola kutipan dan agihan zakat fitrah Negeri Pulau Pinang. Bahagian ini juga memproses bayaran pelbagai jenis saguhati untuk diagihkan kepada penerima. Berikut adalah aktiviti di bawah bahagian ini:

1) Kutipan Zakat Fitrah
2) Pembayaran Saguhati Guru Agama/Al-Quran/Takmir
3) Pembayaran Saguhati Jawatankuasa Kariah
4) Skim Kafalah Mahabbah
5) Elaun Mesyuarat Kariah

## BIDANG TUGAS

1. Memastikan urusan kutipan Zakat Fitrah di negeri Pulau Pinang berjalan dengan lancar.
2. Memastikan amil lantikan di Negeri Pulau Pinang didaftarkan dan diberi tauliah untuk urusan kutipan zakat fitrah.
3. Melakukan proses semakan dan pembayaran saguhati fakir miskin Hari Raya kepada asnaf di setiap kariah masjid di negeri Pulau Pinang
4. Memproses bayaran saguhati Guru Agama & Guru Al Quran.
5. Memproses bayaran saguhati Ahli Jawatankuasa Kariah masjid.
6. Memproses bayaran Elaun Mesyuarat Kariah
7. Memproses penamaan & bayaran Skim Kafalah Mahabbah

## AKTIVITI YANG DIJALANKAN

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | 1 April 2021 |
| NAMA PROGRAM | : | Majlis Tauliah Amil Zakat Pulau Pinang |
| TEMPAT | : | Hotel Ixora |
| OBJEKTIF | : | Majlis ini bertujuan memberi penerangan serta sijil tauliah kepada Lembaga Zakat Fitrah Kariah (Amil Zakat Fitrah) yang membuat kutipan Zakat Fitrah mengikut kariah masjid di Negeri Pulau Pinang. |

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | 2 Disember 2021 |
| NAMA PROGRAM | : | Program Bicara KPE Bersama Pengerusi Kariah Masjid / Saguhati Jawantankuasa Kariah Masjid |
| TEMPAT | : | The Grand Mulia |
| OBJEKTIF | : | Majlis ini bertujuan mengeratkan hubungan dua hala antara ZPP dan pihak pengurusan kariah masjid. Saling bertukar pandangan dan cadangan serta menyampaikan maklumat terkini daripada ZPP. Dalam pada itu, sumbangan Saguhati Jawatankuasa Kariah & Elaun Mesyuarat Kariah disampaikan. |

## AKTIVITI BAHAGIAN FITRAH DAN KAFALAH









## BAHAGIAN KHIDMAT KAUNTER (BKK)

Bahagian Khidmat Kaunter merupakan satu perkhidmatan yang diberikan kepada umat Islam khususnya di Negeri Pulau Pinang. Terdapat 8 cawangan kaunter zakat yang beroperasi di seluruh Pulau Pinang seperti di Ibu Pejabat Bandar Perda Bukit Mertajam, Kepala Batas, Taman Selat, Nibong Tebal, Lebuh Bukhingham, Bayan Baru, Air Itam (Masjid Negeri) dan Balik Pulau. Kaunter zakat di ibu Pejabat dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu kaunter pembayaran zakat dan kaunter permohonan bantuan zakat.

### KEMUDAHAN PEMBAYARAN

- Perkhidmatan Kaunter Bergerak
- Bayaran zakat melalui Skim Potongan Zakat Bulanan
- Bayaran di semua 8 cawangan ZPP
- Wakil Kutipan (Wakalah)
- Bayaran Zakat melalui pos
- Kaunter Pameran
- Snap & Pay

### BIDANG TUGAS

Bahagian Khidmat Kaunter (BKK) merupakan bahagian yang memberikan khidmat kepada masyarakat umat Islam untuk membuat bayaran zakat dan permohonan bantuan zakat di Negeri Pulau Pinang. Dalam pada itu, bahagian ini juga melakukan peranan agar urusan kaunter berjalan dengan lancar. Berikut adalah fungsi dan peranan BKK:-

1. Memastikan urusan kutipan dan agihan di kaunter berjalan dengan lancar.
2. Memastikan petugas memberi layanan yang baik kepada pembayar zakat dan pemohon bantuan zakat.
3. Memastikan keperluan dan barangan kaunter lengkap dan mencukupi di setiap kaunter cawangan dan ibu pejabat.
4. Menyediakan jadual kaunter tetap bulanan kepada semua kakitangan-kakitangan Zakat Pulau Pinang.
5. Menyediakan jadual kaunter Van Bergerak dan jadual kaunter pameran untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat Islam di Pulau Pinang.
6. Memproses bayaran kepada pembekal-pembekal untuk pembekalan keperluan kaunter.
7. Menyemak rekod kutipan petugas-petugas kaunter di semua cawangan kaunter zakat.

### AKTIVITI YANG DIJALANKAN

**a) Kaunter Bergerak**

TARIKH : 12 Mac 2021
NAMA PROGRAM : Kaunter Van Bergerak
TEMPAT : Masjid Tasek Junjong
OBJEKTIF :
- Memudahkan urusan pembayaran zakat dan permohonan bantuan zakat
- Membuat promosi/kempen bayaran dan agihan zakat
- Menjalankan dakwah zakat

TARIKH : 19 Mac 2021
NAMA PROGRAM : Kaunter Van Bergerak
TEMPAT : Masjid USM Perkarangan Pusat Islam Minden
OBJEKTIF :
- Memudahkan urusan pembayaran zakat dan permohonan bantuan zakat
- Membuat promosi/kempen bayaran dan agihan zakat

TARIKH : 24 Mac 2021
NAMA PROGRAM : Kaunter Van Bergerak
TEMPAT : Perkarangan JPJ Seberang Jaya
OBJEKTIF :
- Memudahkan urusan pembayaran zakat dan permohonan bantuan zakat
- Membuat promosi/kempen bayaran dan agihan zakat
- Menjalankan dakwah zakat

TARIKH : 26 Mac 202
NAMA PROGRAM : Kaunter Van Bergerak
TEMPAT : Masjid Teluk Bahang
OBJEKTIF :
- Memudahkan urusan pembayaran zakat dan permohonan bantuan zakat
- Membuat promosi/kempen bayaran dan agihan zakat
- Menjalankan dakwah zakat

TARIKH : 8 April 2021
NAMA PROGRAM : Kaunter Van Bergerak
TEMPAT : Pasar Awam Permatang Pauh
OBJEKTIF :
- Membuat promosi /kempen bayaran dan agihan zakat

TARIKH : 15 April 2021
NAMA PROGRAM : Kaunter Van Bergerak
TEMPAT : Wisma Persekutuan Kepala Batas
OBJEKTIF :
- Memudahkan urusan pembayaran zakat dan permohonan bantuan zakat
- Membuat promosi/kempen bayaran dan agihan zakat

TARIKH : 16 April 2021
NAMA PROGRAM : Kaunter Van Bergerak
TEMPAT : Masjid Teluk Bahang
OBJEKTIF :
- Memudahkan urusan pembayaran zakat dan permohonan bantuan zakat kerana lokasi tersebut sukar diakses
- Membuat promosi/kempen bayaran dan agihan zakat
- Menjalankan dakwah zakat

TARIKH : 21 April 2021
NAMA PROGRAM : Kaunter Van Bergerak
TEMPAT : KWSP Seberang Jaya
OBJEKTIF :
- Memudahkan urusan pembayaran zakat dan permohonan bantuan zakat
- Membuat promosi/kempen bayaran dan agihan zakat

TARIKH : 23 April 2021
NAMA PROGRAM : Kaunter Van Bergerak
TEMPAT : Perkarangan Masjid USM Minden
OBJEKTIF :
- Memudahkan urusan pembayaran zakat dan permohonan bantuan zakat
- Membuat promosi/kempen bayaran dan agihan zakat

TARIKH : 27 April 2021
NAMA PROGRAM : Kaunter Van Bergerak
TEMPAT : Wisma Perseketuan Jalan Anson
OBJEKTIF :
- Memudahkan urusan pembayaran zakat dan permohonan bantuan zakat
- Membuat promosi/kempen bayaran dan agihan zakat

TARIKH : 5 Mei 2021
NAMA PROGRAM : Kaunter Van Bergerak
TEMPAT : KWSP Seberang Jaya
OBJEKTIF :
- Memudahkan urusan pembayaran zakat dan permohonan bantuan zakat
- Membuat promosi/kempen bayaran dan agihan zakat

## b) Kaunter Pameran

1.
- Program Penbvex
- Lokasi Mydin Mall Jalan Bharu Prai BM
- Tarikh 12-16 Nov 2021

2.
- Kaunter Pameran
- Mydin Mall Bertam Kepala Batas
- Tarikh 20/4/2021

3.
- Program Jelajah Khaira Ummah 2030
- Masjid Jalan Bharu Prai
- Tarikh 9/4/2021

4.
- Program Khaira Ummah 2030
- Masjid Sg Dua Abd Rashid
- Tarikh 10 April 2021

## c) Proses Sanitasi

### Proses Sanitasi Kaunter Cawangan









d) Proses Penghantaran

- Aktiviti Penghantaran barangan keperluan kaunter spt cenderahati borang dan lain-lain. Semua kaunter cawangan di seluruh Pulau Pinang. Petugas mengagihkan keperluan barangan kaunter cenderahati dan lain-lain setiap cawangan.





## AKTIVITI BAHAGIAN KHIDMAT KAUNTER 2021











## BAHAGIAN DATA PROSPEK & KHIDMAT PEMBAYAR (BDP)

Bahagian Data Prospek & Khidmat Pembayar merupakan salah satu bahagian di bawah Jabatan Operasi Kutipan Zakat Pulau Pinang. BDP berfungsi sebagai bahagian yang mengurus dan mengumpulkan data prospek dan pembayar.

### BIDANG TUGAS

1. Mengumpul data prospek
2. Menguruskan data khidmat pembayar
3. Mencetak penyata, peringatan haul dan surat seruan berzakat kepada pembayar
4. Membuat pengeposan penyata pembayaran

## BAHAGIAN KHIDMAT MAJIKAN (BKM)

Bahagian Khidmat Majikan merupakan salah satu bahagian di bawah Jabatan Operasi Kutipan Zakat Pulau Pinang. BKM berfungsi sebagai bahagian yang menguruskan borang dan memproses potongan gaji melalui majikan yang telah berdaftar dengan Zakat Pulau Pinang.

### BIDANG TUGAS

Bahagian Khidmat Majikan merupakan bahagian yang berfungsi bagi menjalankan proses Skim Sakinah. Antara proses yang terlibat ialah :

1. Memproses Bayaran Skim Sakinah Melalui Cek / Online Transfer
2. Memproses Borang Skim Sakinah
3. Memproses Pemberhentian Skim Sakinah
4. Memproses Tuntutan Bayaran Balik Skim Sakinah
5. Memproses Tuntutan Bayaran Komisen Pusat Pungutan Zakat

**Jumlah Majikan dan Pencarum bagi Skim Sakinah Tahun 2021**

| | TAHUN 2021 |
|---|---|
| Jumlah Majikan: | |
| Kerajaan | 650 |
| Badan Berkanun | 352 |
| Swasta | 5,704 |
| Jumlah Pencarum | 516,631 |









# LAPORAN OPERASI AGIHAN

## JABATAN OPERASI AGIHAN

Jabatan Operasi Agihan (JOA) merupakan jabatan terpenting ZPP dalam memastikan dana zakat diagihkan secara adil, telus dan sampai ke sasaran (asnaf). JOA berfungsi mengurus dan mengendalikan tugas-tugas pengagihan zakat kepada kumpulan asnaf yang memerlukan iaitu asnaf Fakir, Miskin, Amil, Muallaf, Ghormin, Fisabilillah, Ibnu Sabil dan Ar-Riqab.

Pelbagai kaedah pengagihan bantuan zakat telah dijalankan termasuk bantuan disalurkan terus ke akaun asnaf seperti bantuan sara hidup sekaligus, kewangan bulanan, bantuan awal persekolahan dan ke institusi pengajian tinggi, dermasiswa pengajian dan modal perniagaan keusahawanan. Di samping itu, bantuan melalui penganjuran projek pembangunan ekonomi asnaf, penajaan ke pusat kemahiran, bantuan bina dan baikpulih rumah, bantuan melalui pusat rawatan dan pusat jagaan, program tuisyen dan sebagainya telah dilaksanakan. Penerima bantuan zakat ini sebahagian besarnya ialah individu dan sebahagianya melalui institusi yang telah dipertanggungjawabkan oleh ZPP, MAIPP bagi menguruskan tugas-tugas membantu asnaf yang memerlukan.

Dalam tugas agihan zakat, tiga prinsip utama sentiasa diterapkan iaitu menepati peraturan dan hukum, mendasari keperluan sebenar asnaf serta mengamalkan prosedur tugas (SOP) dan kewangan yang ditetapkan. Sehingga kini, JOA mempunyai tujuh bahagian yang berfungsi melaksanakan program pengagihan bantuan zakat kepada golongan asnaf.

## BAHAGIAN KEBAJIKAN ASNAF (BKA)

Bahagian Kebajikan Asnaf, Jabatan Operasi Agihan berperanan penting dalam pembangunan sosial dan ekonomi asnaf di Negeri Pulau Pinang dalam menangani masalah kemiskinan bandar dan luar bandar.

## BIDANG TUGAS

Tugas-tugas sedia ada BKA meliputi aspek-aspek memberi bantuan yang bersifat sementara seperti bantuan kewangan sekaligus, bantuan kewangan kecemasan, bantuan bencana alam, bantuan Nur Ramadan, bantuan pembedahan, bantuan perubatan dan peralatan sokongan. Bagi kategori asnaf yang lebih mendesak, kaedah agihan bantuan yang bersifat berpanjangan disalurkan seperti bantuan kewangan bulanan, bantuan makanan bulanan, bantuan perubatan bulanan, rawatan dialisis, dan bantuan tajaan asnaf di pusat-pusat jagaan. Secara asasnya, tanggungjawab BKA merangkumi perkara-perkara berikut:

1) Mengagihkan kutipan zakat kepada lapan asnaf mengikut program dan skim yang telah ditetapkan dalam anggaran belanjawan zakat secara cekap dan berkesan serta memenuhi kehendak syariat bagi asnaf yang dibantu.

2) Mengenal pasti golongan fakir dan miskin yang perlu dibantu dan memastikan keperluan asas kehidupan mereka dipenuhi bagi meneruskan kelangsungan hidup yang lebih selesa dan seterusnya dapat berdikari.

3) Menyiasat dan memproses permohonan bantuan untuk menentukan kesahihan dan kelayakan mengikut garis panduan dan kelayakan yang telah ditetapkan.

4) Merangka, menilai dan memastikan kadar bantuan yang disalurkan mengikut pada keperluan semasa.

5) Memantau dan memastikan pusat dialisis dan pusat jagaan yang dilantik menyediakan perkhidmatan yang bermutu dan berkualiti.

6) Mengukuhkan kerjasama dengan semua pihak termasuk agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, jawatankuasa kariah dan orang awam dalam membantu golongan yang layak menerima zakat.

## AKTIVITI YANG DIJALANKAN

| | |
|---|---|
| TARIKH | : 2-30 Jun 2021 |
| NAMA PROGRAM | : Pengagihan Skim Bantuan Makanan Kecemasan ZPP |
| TEMPAT | : Seluruh Pulau Pinang |
| OBJEKTIF | : Mengagihkan bekalan makanan kecemasan kepada semua asnaf yang terputus bekalan makanan atau belanja disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan |
| TARIKH | : 3 Julai 2021 |
| NAMA PROGRAM | : Misi Mencari Bendera Putih |
| TEMPAT | : Seluruh Pulau Pinang |
| OBJEKTIF | : Menyalurkan bantuan kecemasan kepada asnaf yang memerlukan bantuan segera |
| TARIKH | : 7 Julai 2021 |
| NAMA PROGRAM | : Program Serahan Bantuan Makanan Kecemasan Bersama Yayasan UEM |
| TEMPAT | : Lahar Minyak dan Permatang Bongor |
| OBJEKTIF | : Mengagihkan 1000 pek makanan kepada asnaf yang terputus bekalan makanan akibat pelaksanaan “total lockdown” |
| TARIKH | : 30 Oktober 2021 |
| NAMA PROGRAM | : Majlis Penyerahan Bantuan Mangsa Banjir Daerah Barat Daya |
| TEMPAT | : Masjid Maqbul, Teluk Kumbar |
| OBJEKTIF | : Mengagihkan 1000 pek makanan kepada asnaf yang terputus bekalan makanan akibat pelaksanaan “total lockdown” |
| TARIKH | : 30 November 2021 |
| NAMA PROGRAM | : Majlis Penyerahan Mesin Oksigen dan Geran Tahunan kepada Hospital-Hospital Negeri Pulau Pinang |
| TEMPAT | : The Light Hotel, Seberang Jaya |
| OBJEKTIF | : Meringankan bebanan pesakit beragama Islam yang kurang berkemampuan dan memerlukan pembiayaan bagi menjalani rawatan di hospital dan ianya diuruskan oleh Jabatan Kerja Sosial Perubatan |






## LAPORAN TRANSAKSI AGIHAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2021



## Perubatan Ringan Fakir

Penerima : 152




## Perubatan Ringan Miskin

Penerima : 399




## Bantuan Sewaan

Penerima : 112




## Bantuan Deposit

Penerima : 26




## Kesusahan Berat

Penerima : 33




## Pembedahan

Penerima : 396




- Diagihkan
- Baki

## Nur Ramadan Fakir
Penerima : 593




## Nur Ramadan Miskin
Penerima : 2067




## Nur Ramadan Hamper
Penerima : 10058




## Nur Ramadan Logistik
Penerima :1




## Bencana Alam Fakir
Penerima : 7




## Bencana Alam Miskin
Penerima : 390




**Pengurusan Jenazah Tidak Berwaris**
Penerima : 743




- Diagihkan
- Baki

## AKTIVITI BAHAGIAN KEBAJIKAN ASNAF (BKA)










## BAHAGIAN INSTITUSI DAN PENDIDIKAN (BIP)

Bahagian Institusi dan Pendidikan (BIP) berperanan penting sebagai medium meningkatkan kualiti pembangunan dan pendidikan bagi golongan asnaf zakat keluar dari kemiskinan melalui kecemerlangan pendidikan.

## BIDANG TUGAS

Tugas-tugas sedia ada meliputi aspek-aspek pembiayaan Pendidikan seperti bantuan awal sekolah, sumbangan kepada program keagamaan dan motivasi, program-program tajaan pelajar, Mutiara Program Didik Cemerlang Akademik, program kemudahan tempat belajar, infrastruktur Pendidikan, pembiayaan institusi MAINPP, Inapan Kasih Sayang serta Pusat Latihan Zakat yang merangkumi perkara-perkara berikut:

i) Membangunkan modal insan yang berkualiti untuk melahirkan generasi pewaris yang berdaya saing dan cemerlang.
ii) Mempertingkatkan kemudahan dan persekitaran pembelajaran yang kondusif.
iii) Melaksana dan merancang pelbagai program dan aktiviti yang menoingkatkan prestasi pelajar.
iv) Memperkasa dan meningkatkan mutu pendidikan melalui dana-dana yang dibekalkan kepada golongan asnaf.
v) Memastikan pendidikan kepada golongan asnaf terus mengikuti perubahan teknologi semasa dan tidak ketinggalan zaman.

## PERBELANJAAN DI BAWAH ASNAF FISABILILLAH ZAKAT PULAU PINANG 2021

| BIL | TAJUK | AGIHAN | JUMLAH DI BELANJAKAN (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Khutbah | JHEAIPP | 86,687.50 |
| 2 | Sumbangan Kpd Aktiviti Keagamaan - Program Qaryah / Pertubuhan | ZAKAT PULAU PINANG | 195,190.00 |
| 3 | Sumbangan Kpd Aktiviti Keagamaan - Sumbangan Program Motivasi | ZAKAT PULAU PINANG | 14,500.00 |
| 4 | Peralatan Dan Buku Ibadat Utk Surau / Masjid / Sekolah | ZAKAT PULAU PINANG | 135,910.00 |
| 5 | Pentadbiran Dan Pengurusan Maahad Tahfiz Quran Wal Qiraat | KITAB | 4,500,000.00 |
| 6 | Pusat Latihan Zakat | PULAZA | 200,000.00 |
| 7 | Rumah Warga Emas Darul Hanan | DARUL HANAN | 1,500,000.00 |
| 8 | Asrama Anak Miskin | INAPAN KASIH SAYANG | 1,000,000.00 |
| 9 | Emolumen Kakitangan MAINPP | MAINPP | 3,000,000.00 |
| 10 | Saguhati Pengurusan Qaryah | JHEAIPP | 1,024,358.40 |
| 11 | Saguhati Naib Kadi | JHEAIPP | 46,845.98 |
| 12 | Saguhati Pegawai Masjid Daerah | JHEAIPP | 59,400.00 |
| 13 | Pengajar Kelas Pusat Serenti | PUSAT SERENTI | 15,000.00 |
| 14 | Pengajar Kelas Penjara | PENJARA | - |
| 15 | Elaun Tambahan Guru Takmir | JHEAIPP | 400,900.00 |
| 16 | Elaun Guru Agama | JHEAIPP | - |
| 17 | Bengkel / Kursus / Seminar | JHEAIPP | 19,360.00 |
| 18 | Program Jk Dakwah Negeri | JHEAIPP | 43,730.00 |
| 19 | Permulaan Ke Institusi Pengajian Tinggi / Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPT/IPTS) | ZAKAT PULAU PINANG | 3,198,100.00 |
| 20 | ii) Pembaikan / Bekalan Sekolah Agama Rakyat | JHEAIPP | 135,910.00 |
| 21 | Sumbangan Berkanun Sekolah Menengah Agama Islam (SMAI) | JHEAIPP | 970,000.00 |
| 22 | Sumbangan Kepada Sekolah Menengah Agama Islam (SMAI) | JHEAIPP | 2,500,000.00 |
| 23 | Latihan & Kokurikulum Guru Sekolah Menengah Agama Islam (SMAI) | JHEAIPP | |

| BIL | TAJUK | AGIHAN | JUMLAH DI BELANJAKAN (RM) |
|---|---|---|---|
| 24 | i) Ihtifal Sanawi | JHEAIPP | - |
| 25 | ii) Program Seminar Pemantapan Stam | JHEAIPP | - |
| 26 | iii) Kursus Pengajaran Dan Pembelajaran Guru-Guru/ Pengasuh Tadika | JHEAIPP | 22,000.00 |
| 27 | iv) Bengkel Semakan Kurikulum Tadis | JHEAIPP | 10,000.00 |
| 28 | v) Program Kursus Guru-Guru Sekolah Menengah Agama Islam (SMAI) | JHEAIPP | 15,000.00 |
| 29 | vi) Konvokesyen Tadis | JHEAIPP | 60,000.00 |
| 30 | vii) Kursus Pengajaran Dan Pembelajaran Guru-Guru Sar | JHEAIPP | - |
| 31 | viii) Program Menggapai 8a Upkk | JHEAIPP | 200,000.00 |
| 32 | ix) Program Mahrajan Kafa Interaktif | JHEAIPP | 30,000.00 |
| 33 | x) Kursus Guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) | JHEAIPP | 50,000.00 |
| 34 | xi) Bengkel Model-Model Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) | JHEAIPP | - |
| 35 | Pembiayaan Peperiksaan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) | JHEAIPP | 100,000.00 |
| 36 | Sumbangan Kepada Tadika Islam Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) | JHEAIPP | 350,000.00 |
| 37 | i) Elaun Guru Tadika | JHEAIPP | 440,000.00 |
| 38 | ii) Elaun Pengasuh | JHEAIPP | 200,000.00 |
| 39 | iii) KWSP | JHEAIPP | 85,000.00 |

## AKTIVITI BAHAGIAN INSTITUSI & PENDIDIKAN (BIP)


















## BAHAGIAN DERMASISWA PENGAJIAN (BDM)

Pada tahun 2019 Zakat Pulau Pinang, MAINPP telah diberi mandat untuk menguruskan Skim Dermasiswa Pengajian ini yang sebelumnya diuruskan oleh Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang. BDM dipertanggungjawabkan untuk menguruskan aktiviti bantuan yang melibatkan bantuan-bantuan Pendidikan tinggi di negeri Pulau Pinang.

Bahagian Dermasiswa Pengajian (BDM) berusaha menyediakan Skim Dermasiswa Pengajian bagi membantu meringankan beban kewangan mahasiswa/ mahasiswi yang menuntut di institusi-institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Jawatankuasa Dermasiswa Pengajian dan Pendidikan ASUZ samada di dalam atau luar negara pada peringkat Diploma, Markaz Lughah (Mesir), Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana Muda Perubatan, Sarjana dan PhD. Terbuka kepada semua kursus yang memberi manfaat kepada agama dan masyarakat.

## BIDANG TUGAS

Berikut adalah fungsi dan peranan BDM :

1) Menawarkan Skim Dermasiswa Pengajian di Institusi Pengajian Tinggi kepada mahasiswa dan mahasiswi melalui portal Zakat Pulau Pinang.
2) Menerima dan mengurus permohonan Skim Dermasiswa Pengajian peringkat Diploma, Markaz Lughah (Mesir), Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana Muda Perubatan, Sarjana dan PhD meliputi memeriksa dokumen, mengasingkan mengikut institusi pengajian, tahap pengajian, dalam negara, luar negara, permohonan yang lulus dan permohonan yang gagal.
3) Menguruskan permohonan bantuan bagi Persatuan-Persatuan Pelajar Luar Negara.
4) Merancang dan melaksanakan program bantuan pendidikan melalui dana yang telah diluluskan.
5) Membantu melancarkan bantuan agihan Zakat Pulau Pinang melalui Bantuan Pendidikan.

## AKTIVITI YANG DIJALANKAN

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | 7/12/2021 |
| NAMA PROGRAM | : | Majlis Penyerahan Bantuan Dermasiswa Pengajian Tahun 2021 |
| TEMPAT | : | Hotel Ixora |
| OBJEKTIF | : | Membantu meringankan beban kewangan mahasiswa / mahasiswi yang menuntut di institusi-institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Jawatankuasa Dermasiswa Pengajian dan Pendidikan ZPP sama ada di dalam atau luar negara |

| BIL | TAHAP | KADAR (RM) | NEGARA | BIL PEMOHON | BIL CADANGAN | | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | LULUS | GAGAL | |
| 1 | LUGHAH MESIR | 3,000.00 | MESIR | 26 | 26 | 0 | 78,000.00 |
| 2 | DIPLOMA | 2,500.00 | MALAYSIA | 439 | 313 | 126 | 782,500.00 |
| 3 | IJAZAH SARJANA MUDA | 3,500.00 | MALAYSIA | 2154 | 1873 | 281 | 6,555,500.00 |
| | | 7,000.00 | INDONESIA | 28 | 26 | 1 | 182,000.00 |
| | | 2,500.00 | | | 1 | | 2,500.00 |
| | | 8,000.00 | MESIR | 196 | 166 | 18 | 1,328,000.00 |
| | | 2,500.00 | | | 12 | | 30,000.00 |
| | | 10,000.00 | MOROCCO | 0 | 0 | 0 | 0.00 |
| | | 12,000.00 | JORDAN | 14 | 11 | 1 | 132,000.00 |
| | | 2,500.00 | | | 2 | | 5,000.00 |
| 4 | IJAZAH SARJANA MUDA PERUBATAN (LUAR NEGARA) | 20,000.00 | LUAR NEGARA | 52 | 50 | 1 | 1,000,000.00 |
| | | 2,500.00 | | | 1 | | 2,500.00 |
| 5 | IJAZAH SARJANA (MASTER) | 3,500.00 | MALAYSIA | 100 | 77 | 23 | 269,500.00 |
| | | 7,000.00 | INDONESIA | 0 | 0 | 0 | 0.00 |
| | | 8,000.00 | MESIR | 0 | 0 | 0 | 0.00 |
| | | 10,000.00 | MOROCCO | 2 | 1 | 1 | 10,000.00 |
| | | 12,000.00 | JORDAN | 0 | 0 | 0 | 0.00 |
| 6 | DOKTOR FALSAFAH (PHD) | 3,500.00 | MALAYSIA | 35 | 25 | 10 | 87,500.00 |
| | | 7,000.00 | INDONESIA | 0 | 0 | 0 | 0.00 |
| | | 8,000.00 | MESIR | 0 | 0 | 0 | 0.00 |
| | | 10,000.00 | MOROCCO | 0 | 0 | 0 | 0.00 |
| | | 12,000.00 | JORDAN | 0 | 0 | 0 | 0.00 |
| **JUMLAH** | | | | **3046** | **2584** | **462** | **10,465,000.00** |

## SUMBANGAN KEPADA PERSATUAN PELAJAR LUAR NEGARA

| BIL | NEGARA | SUMBANGAN |
|---|---|---|
| 1 | Kebajikan Pelajar Mesir | 10,000.00 |
| 2 | Persatuan Pelajar Mesir | 20,000.00 |
| 3 | Kebajikan Pelajar Jordan | 10,000.00 |
| 4 | Persatuan Pelajar Jordan | 15,000.00 |
| 5 | Kebajikan Pelajar Indonesia | 10,000.00 |
| 6 | Persatuan Pelajar Indonesia | 10,000.00 |
| | **JUMLAH** | **75,000.00** |

Keseluruhan bantuan dari Bahagian Dermasiswa Pengajian (BDM) bagi tahun 2021 adalah berjumlah RM10,540,000.00.

## AKTIVITI BAHAGIAN DERMMASISWA PENGAJIAN (BDM)






## BAHAGIAN PERUMAHAN ASNAF (BPA)

Bahagian Perumahan Asnaf (BPA) merupakan bahagian yang menguruskan skim-skim agihan Zakat Pulau Pinang yang berkaitan dengan bantuan perumahan. Skim-skim tersebut ialah Skim Bantuan Baikpulih Rumah, Skim Inapan Kasih (Bina Baru), Skim Bantuan Penyambungan Bekalan Air dan Elektrik, dan Program Makmal Sosio-Akedemik, Sungai Nibong (MASA@SUNGAINIBONG).

## BIDANG TUGAS

Bagi menguruskan skim-skim tersebut, BPA menjalankan peranan seperti senarai berikut;

1) Membuat saringan awal, menemuduga, membuat siasatan serta mendapatkan kelulusan bagi memproses permohonan semua skim yang terlibat.
2) Memberi taklimat teknikal kepada setiap kontraktor sebelum memulakan kerja.
3) Membuat pemantauan dan pemeriksaan secara berkala sepanjang kerja pembinaan untuk Skim Baikpulih Rumah dan Skim Inapan kasih.
4) Membuat pemeriksaan akhir setelah kerja pembinaan siap sebelum memproses dan mendapatkan kelulusan untuk bayaran kontraktor.
5) Membuat laporan kemajuan skim-skim agihan yang terlibat secara berkala kepada pengurusan ZPP dan Jawatankuasa Perumahan As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd. (ASUZSB).

Selain itu, BPA turut berperanan dalam memberi khidmat nasihat dan kemahiran teknikal kepada bahagian-bahagian lain di dalam ZPP seperti senarai berikut;

1) Membantu Bahagian Perolehan dalam membuat saringan dan pendaftaran kontraktor sebagai vendor ZPP.
2) Membantu Bahagian Perolehan dalam mendapatkan anggaran jabatan bagi kerja-kerja penyelenggaraan bangunan-bangunan dan fasiliti milik ZPP sebelum proses pelantikan kontraktor.
3) Membantu Bahagian Aset dalam membuat pemantauan pada kontraktor yang menjalankan kerja pada mana-mana bangunan atau fasiliti milik ZPP.
4) Membantu bahagian Aset dalam membuat perancangan dan rekabentuk untuk kerja penambahan atau renovasi pada mana-mana bangunan atau fasiliti milik ZPP.

| TAHUN | SKIM BAIK PULIH | | SKIM INAPAN KASIH (SIK) | | MASA@SGNIBONG |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | UNIT | RM | UNIT | RM |
| 2020 | 347,834.26 | 24 | 1,372,370.72 | 24 | 34,003.03 |
| 2021 | 1,001,318.83 | 64 | 863,963.44 | 13 | 54,000.00 |
| SASARAN | 1,040,000.00 | 80 | 1,725,475.80 | 30 | 40,000.00 |

**SELURUH NILAI AGIHAN**
**(SKIM INAPAN KASIH + SKIM BAIK PULIH + MASA@SGNIBONG)**




**AKTIVITI YANG DIJALANKAN**

TARIKH : 6 Mac 2021
NAMA PROGRAM : Majlis Serahan Kunci Rumah bersama Dato' TKM1,
TEMPAT : Permatang Tinggi B, Seberang Perai Utara
OBJEKTIF : Meraikan penerima Skim Inapan Kasih dan Promosi Skim Agihan Zakat ZPP

TARIKH : 1 April 2021
NAMA PROGRAM : Pelancaran Jenama dan Logo Baharu Skim Inapan Kasih
TEMPAT : Hotel Ixora
OBJEKTIF : Menjenamakan semula Skim Bantuan Bina Baru menjadi Skim Inapan Kasih (SIK)

TARIKH : 6 April 2021
NAMA PROGRAM : Rakaman Skim Inapan Kasih Bersama Sinar Harian
TEMPAT : Daerah Seberang Perai Selatan
OBJEKTIF : Meraikan penerima Skim Inapan Kasih dan Promosi Skim Agihan Zakat ZPP

TARIKH : 6 April 2021
NAMA PROGRAM : Majlis Penyerahan Rumah dengan Kerjasama My Haus, JAWHAR Bersama KPJAWHAR
TEMPAT : Kampung Terang, Balik Pulau
OBJEKTIF : Meraikan penerima Skim Inapan Kasih-JAWHAR dan Promosi Skim Agihan Zakat ZPP

TARIKH : 4 Disember 2021
NAMA PROGRAM : Majlis Serahan Kunci Skim Inapan Kasih sempena Sambutan Bulan Zakat Peringkat Negeri Pulau Pinang 2021
TEMPAT : Nibong Tebal Seberang Perai Selatan
OBJEKTIF : Meraikan penerima Skim Inapan Kasih dan Promosi Skim Agihan Zakat ZPP

## AKTIVITI BAHAGIAN PERUMAHAN ASNAF (BPA)
















**MASA@SG.NIBONG**

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) telah dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang sebagai fasilitator untuk Makmal Sosio Akademik Asnaf di Pangsapuri Wakaf Siti dan Hajjah Norijah Sungai Nibong, Pulau Pinang (MASA@Sungai Nibong) bermula September 2020 sehingga Mei 2023. Keunikan Pulau Pinang dengan tanahnya yang terhad dan sangat mahal, telah menjadikan Projek MASA@Sungai Nibong sebagai projek perintis yang mengumpulkan asnaf dalam satu perkampungan bandar. Dalam konteks Pulau Pinang, asnaf yang terpilih dikumpulkan di satu kawasan perumahan pangsapuri seperti yang terdapat di MASA@Sungai Nibong.

Fokus utama MASA@Sungai Nibong merangkumi dua aspek pembangunan iaitu aspek pembangunan insaniah dan aspek pembangunan sosio-ekonomi. ISDEV USM telah mengemukakan satu Modul Pembangunan Insaniah dan Sosio-Ekonomi yang menyeluruh sebagai satu panduan untuk melaksanakan MASA@Sungai Nibong secara tuntas. Aspek pembangunan insaniah diberi penekanan dahulu manakala, aspek pembangunan sosio-ekonomi diberikan tumpuan pada fasa seterusnya.

Cadangan penyelidikan untuk MASA@Sungai Nibong bersifat *action-oriented* dan secara keseluruhan mengandungi tiga fasa. Fasa pertama fokus kepada aspek pembangunan insaniah yang melibatkan pengumpulan data yang merangkumi pemetaan luaran dan juga dalaman Ketua Isi Rumah (KIR) dan Pasangan KIR (PKIR) MASA@Sungai Nibong sebagai fokus utama fasa ini, namun tidak mengenepikan pengumpulan data untuk ahli isi rumah (AIR) yang lain. Fasa kedua pula akan menumpukan kepada aspek mengenalpasti aspek pembangunan sosio-ekonomi asnaf MASA@Sungai Nibong. Terakhir, fasa ketiga yang merupakan penggabungan aspek pembangunan insaniah dan aspek pembangunan sosio-ekonomi dengan merangkumkan program dan aktiviti yang dibuat khusus sebagai fasa berorientasikan tindakan sepenuhnya berdasarkan hasil penemuan penyelidikan fasa pertama dan fasa kedua.

**AKTIVITI MASA@SG.NIBONG**

a. Qiamullail MASA@Sungai Nibong pada 01/01/2021 jam 4.30 pagi di Surau Darus Salam Pangsapuri Wakaf.





b. Pengajian Fiqh Wanita (Bahagian 2) bersama Ustazah Fatimah Ishak di Surau Darus Salam Pangsapuri Wakaf Siti & Hajjah Norijah Sungai Nibong pada 24/03/2021 jam 9.00 malam.








c. Sambutan Malam Nifsu Syaaban dan Tazkirah ringkas oleh Dr. Shahir Akram Hassan Al-Hafiz, Pengarah Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) pada 28/03/2021 jam 8.00 malam di Surau Darus Salam Pangsapuri Wakaf.





d. Program di Ambang Ramadhan oleh Dr. Mohd Shukri Hanapi pada 11/04/2021 jam 3.00 petang di Surau Darus Salam Pangsapuri Wakaf.





e. Program Celik Mumtaz Bersama Murid Sekolah Rendah MASA@Sungai Nibong oleh Dr. Shereeza Mohamed Saniff secara online melalui Facebook MASA ISDEV pada 1/9/2021 jam 2.30 petang yang disertai 13 daripada 25 orang Murid Sekolah Rendah MASA@Sungai Nibong iaitu Nur Farah Eirdeena, Siti Nurmia Diyana, Muhamad Fakhrul Adzim, Muhammad Iqram Haziq, Nur Aishah, Muhammad Danial Afiq, Nur Hidayah Humaira, Siti Hidayah, Muhammad Danish Khuzaimi, Muhammad Danial Asyraaf, Muhamad Shahrizan, Nur Fatin Diyana dan Muhammad Khairuddin.





f. Sumbangan daripada pihak Surau An-Nur 1 Keluarga 1 Hamper Barangan Dapur kepada Keluarga Ahli MASA@Sungai Nibong pada 23/09/2021 jam 4.00 petang di Pangsapuri Wakaf.





g. Lawatan ke Pejabat Pertanian Daerah Barat Daya bagi mendengar taklimat dan melihat projek fertigasi Pejabat Pertanian pada 1/10/2021 jam 9.00 pagi yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Pertanian En. Abdul Halim Abdul Aziz yang turut dihadiri oleh Dr. Wan Norhaniza Wan Hasan, Dr. Shereeza Mohamed Saniff, Dr. Ahmad Shaifful Anuar Ahmad Shukor, En. Shahidar Shabudin dan En. Muhammad Azhar Ahmad.







h. Program ISDEV Bersama Komuniti bertajuk Pembentukan Keluarga Mithali Melalui Pemakanan Halalan Tayyiban disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Shahir Akram Hassan secara online Facebook MASA ISDEV pada 30/10/2021 jam 2.30 petang yang dihadiri 22 daripada 32 orang KIR dan PKIR iaitu En. Jihadi, Pn. Roziyatom, Pn. Adilah, Pn. Ruzita, En. Suhaimi, Pn. Hazlin, En. Azhar, Pn. Narhayati, En. Shahidar, Pn. Azizah, Pn. Juliana Ayu, Pn. Hafsah, Pn. Sarina Ena, Pn. Roshasnani Pn. Marina, Pn. Nadiah, Pn. Aziah, Pn. Aminah, Pn. Salhana, Pn. Salmeah, En. Azmi dan Pn. Zunaidah.



## BAHAGIAN KEUSAHAWANAN ASNAF (BKU)

Pemberian Skim Bantuan Usahawan adalah bertujuan untuk membantu golongan usahawan Asnaf yang melibatkan diri dalam perniagaan yang berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan mempunyai pendaftaran perniagaan (SSM). Skim ini bersifat sebagai skim galakan dan naiktaraf usahawan dan berkelayakan untuk menerima bantuan perniagaan berbentuk modal atau peralatan perniagaan (Alatan mesin/ *packaging*).

### BIDANG TUGAS

BKU merupakan bahagian yang mengurus tadbir bantuan perniagaan asnaf dan usahawan asnaf di Zakat Pulau Pinang dengan mengenalpasti peniaga dan usahawan di bawah asnaf yang berpotensi untuk dimajukan. Berikut adalah fungsi dan peranan BKU:-

1. Mengenalpasti borang permohonan yang lengkap dan layak untuk diberikan bantuan perniagaan dan usahawan dengan layanan mesra.
2. Membimbing asnaf mengurus kewangan perniagaan agar lebih tersusun dan termasuk
3. Membuat pemantauan bagi memastikan perniagaan dijalankan mengikut kehendak Bahagian Keusahawanan dan Zakat Pulau Pinang melalui penghasilan produk halal.
4. Mendidik asnaf sehingga berjaya dan berkelayakan mengeluarkan kewajipan berzakat pada masa hadapan.
5. Menyediakan kursus bersesuaian dengan keperluan semasa agar peniaga dan usahawan lebih bersemangat untuk memajukan diri.
6. Memberikan pendekatan pemasaran dan memupuk semangat sayangkan produk yang dikeluarkan dan bersungguh-sungguh menjalankan usaha pemasaran.
7. Melahirkan lebih ramai ikon usahawan pada masa akan datang.
8. Mengenalpasti keperluan asnaf dalam bentuk modal pusingan atau peralatan untuk meningkatkan produk.

### AKTIVITI YANG DIJALANKAN

| | |
|---|---|
| TARIKH | : 30 Mac 2021 |
| NAMA PROGRAM | : Kursus Pemasaran Melalui Instagram / MOU SME Corp & ZPP |
| TEMPAT | : The Light Hotel |

| | |
|---|---|
| TARIKH | : 6-8 APRIL 2021 |
| NAMA PROGRAM | : Kursus Transformasi Usahawan |
| TEMPAT | : Hotel Seri Malaysia |

| | |
|---|---|
| TARIKH | : 12 April 2021 |
| NAMA PROGRAM | : Seminar Online Konsep Patuh Syariah Dalam Produk Keluaran Islam |
| TEMPAT | : Institut Koperasi Malaysia |

| | |
|---|---|
| TARIKH | : 30 Jun 2021 |
| NAMA PROGRAM | : Seminar Online : Peningkatan Sosioekonomi Masyarakat Setempat Melalui Pemerkasaan Usahawan |
| TEMPAT | : SIRIM |

| | |
|---|---|
| TARIKH | : 8 Disember 2021 |
| NAMA PROGRAM | : Seminar Pemasaran Tiktok |
| TEMPAT | : Ixora Hotel |

| | |
|---|---|
| TARIKH | : 14,15 & 16 Disember 2021 |
| NAMA PROGRAM | : Kursus Forensik Perniagaan/ Usahawan ZPP |
| TEMPAT | : Ixora Hotel |

### AKTIVITI BAHAGIAN KEUSAHAWANAN ASNAF (BKU)








## BAHAGIAN PROJEK KHAS (BPK)

Bahagian Projek Khas (BPK) merupakan bahagian di bawah Jabatan Operasi Agihan. Bahagian Projek Khas ini merupakan bahagian yang menjalankan bantuan agihan berbentuk produktif. BPK ditugaskan untuk merancang, mengurus dan menyediakan projek-projek usahawan asnaf dengan memberi peluang dari segi latihan dan kemahiran kepada golongan asnaf yang terpilih dari kalangan fakir dan miskin sebagai persediaan untuk menjadi usahawan atau pekerja bagi meningkatkan sosioekonomi mereka. Ianya juga ditubuhkan supaya golongan asnaf ini tidak semata-mata mengharapkan bantuan dari sumber zakat sahaja. BPK bertanggungjawab menyelaras projek-projek ZPP yang merangkumi Zakat Mart, Projek Peladang Nanas, Bengkel Jahitan dan Bengkel Masakan. Misi BPK adalah bagi memastikan setiap asnaf yang terlibat diberikan kemahiran yang mampu untuk membawa mereka ke arah menjadi pembayar zakat kelak.

### AKTIVITI YANG DIJALANKAN

| BIL | PROJEK | OBJEKTIF |
|---|---|---|
| 1 | Zakat Mart<br>-Balik Pulau<br>-Tasek Gelugor<br>-Taman Gelugor Indah | Memberi bantuan kepada kumpulan asnaf fakir dan miskin yang terpilih bagi meningkatkan taraf hidup dengan latihan untuk menjadi usahawan atau pekerja di kedai serbaneka (Zakat Mart) |
| 2 | Bengkel Masakan<br>-Teluk Air Tawar<br>-Machang Bubok<br>-Sg Setar<br>-Atrium Bandar Perda<br>-Penaga | Memberi bantuan kepada kumpulan asnaf fakir dan miskin yang terpilih bagi meningkatkan taraf hidup dengan menyediakan projek bengkel masakan sebagai latihan dan kemahiran |
| 3 | Bengkel Jahitan<br>-Teluk Air Tawar<br>-Tasek Gelugor<br>-Cherok Tok Kun<br>-Mengkuang Mak Sulong<br>-Machang Bubok<br>-Tanah Liat | Memberi bantuan kepada kumpulan asnaf fakir dan miskin yang terpilih bagi meningkatkan taraf hidup dengan menyediakan latihan dan kemahiran di bengkel jahitan |
| 4 | Projek Ladang Nanas | Memberi bantuan kepada kumpulan asnaf fakir dan miskin yang terpilih bagi meningkatkan taraf hidup dengan menyediakan projek tanaman nanas diusahakan. |

### AKTIVITI YANG DIJALANKAN

TARIKH : 1/2/2021
NAMA PROGRAM : Lawatan Bengkel Jahitan / Kilang Jahit Sarung Bantal

TARIKH : 4/2/2021
NAMA PROGRAM : Lawatan Ladang Nanas
TEMPAT : Tanah Wakaf, Jalan Ara Kuda

TARIKH : 16/3/2021
NAMA PROGRAM : Lawatan dan Pengiraan Stok Niaga Zakat Mart
TEMPAT : Zakat Mart

TARIKH : 17/3/2021
NAMA PROGRAM : Perjumpaan Bersama Penyelia Bengkel Jahitan
TEMPAT : Bengkel Jahitan

TARIKH : 7/4/2021
NAMA PROGRAM : Majlis Tandatangan Perjanjian Peserta Ladang Nanas
TEMPAT : Zakat Pulau Pinang

TARIKH : 8/6/2021 – 18/7/2021
NAMA PROGRAM : Program Agihan Bantuan Covid-19
TEMPAT : Sekitar Pulau Pinang

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | 29/8/2021 |
| NAMA PROGRAM | : | Program Bantuan COVID-19 |
| TEMPAT | : | Bantuan Banjir Kepala Air Yan, Kedah |
| TARIKH | : | 8/9/2021 |
| NAMA PROGRAM | : | Program Bantuan COVID-19 |
| TEMPAT | : | Alor Setar, Kedah |
| TARIKH | : | 9/9/2021 |
| NAMA PROGRAM | : | Program Bantuan COVID-19 |
| TEMPAT | : | Kangar, Perlis |
| TARIKH | : | 2/12/2021 |
| NAMA PROGRAM | : | Kursus Bengkel Masakan Nanas Bersama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) |
| TEMPAT | : | Bengkel Masakan Penaga |
| TARIKH | : | 4/12/2021 |
| NAMA PROGRAM | : | Misi Bantuan Kemanusiaan |
| TEMPAT | : | Yan, Kedah |
| TARIKH | : | 16/12/2021 |
| NAMA PROGRAM | : | Majlis Perasmian Ladang Nanas |
| TEMPAT | : | Kg. Teluk Wang, Ara Kuda |





## AKTIVITI BAHAGIAN PROJEK KHAS (BPK)










## ZAKAT MART

Sebagai sebuah pusat pengumpulan dan pengedaran setempat Produk Usahawan Asnaf Zakat (PUAZ). Selain itu, Zakat Mart merupakan rangkaian kedai serbaneka yang beroperasi selama 16 jam setiap hari dan menyediakan peluang pekerjaan serta ilmu perniagaan kepada asnaf.
Terdapat 3 lokasi di sekitar Pulau Pinang:

1. Balik Pulau.

2. Tasek Gelugor.

3. Taman Gelugor Indah,Tasek Gelugor.









**BAHAGIAN KHIDMAT KESIHATAN (PHZ)**

Pusat Hemodialisis Zakat (PHZ) berada di bawah Jabatan Operasi Agihan (JOA) Zakat Pulau Pinang. PHZ merupakan salah satu program agihan zakat kendalian Zakat Pulau Pinang. PHZ menawarkan perkhidmatan rawatan hemodialisis secara percuma kepada asnaf yang mengalami kegagalan fungsi buah pinggang peringkat akhir. Bahagian Perkhidmatan Kesihatan bertanggungjawab dalam menguruskan pentadbiran dan operasi PHZ. PHZ menerima peruntukan tahunan daripada Zakat Pulau Pinang untuk menjalankan tanggungjawab ini. Secara purata, ZPP memperuntukan di antara RM7 - 9 juta setahun bagi mengendalikan dan menguruskan PHZ.

**BIDANG TUGAS**

Fungsi utama PHZ adalah menyediakan tempat rawatan hemodialisis kepada penerima bantuan yang layak menerima zakat daripada kategori asnaf. Pengurusan PHZ berperanan dalam hal berkaitan pentadbiran dan operasi semua cawangan PHZ. Ini termasuk bayaran emolumen kakitangan dan doktor perubatan, pembelian ubat-ubatan dan keperluan rawatan, sewa, utiliti, penyelenggaraan premis dan mesin serta hal-hal lain yang berkaitan.

PHZ juga memproses kemasukan pesakit baru setelah permohonan bantuan rawatan hemodialisis diluluskan oleh Zakat Pulau Pinang. Selain itu, PHZ juga bertanggungjawab dalam memproses permohonan bantuan suntikan erythropoietin (EPO) kepada pesakit yang mendapat rawatan di luar PHZ.

**AKTIVITI YANG DIJALANKAN**

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | 7 Dis 2020 - 7 Mac 2021 |
| NAMA PROGRAM | : | Kerja - Kerja Pindaan Dan Tambahan Dalaman Bangunan PHZ |
| TEMPAT | : | PHZ cawangan Balik Pulau |
| OBJEKTIF | : | Menyediakan dan menaiktaraf premis mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan seperti dalam Akta 586; Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998. |

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | 26 - 27 Januari 2021 |
| NAMA PROGRAM | : | Lawatan Pemeriksaan Perlesenan Pusat Hemodialisis Swasta |
| TEMPAT | : | PHZ cawangan Butterworth, |
| OBJEKTIF | : | Bukit Mertajam dan Kepala Batas<br>Tujuan perlesenan bagi memastikan premis telah mematuhi Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 dan Peraturan - Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006. |

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | 8 April 2021 |
| NAMA PROGRAM | : | Rakaman Slot PHZ bagi video Jurnal ZPP |
| TEMPAT | : | PHZ cawangan Bukit Mertajam |
| OBJEKTIF | : | Tujuan mempromosikan wang agihan zakat. |

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | 11 April 2021 |
| NAMA PROGRAM | : | Program Pembangunan Staf PHZ 2021. |
| TEMPAT | : | Hotel The Light, Seberang Jaya |
| OBJEKTIF | : | Pertemuan antara pengurusan tertinggi ZPP dengan kakitangan PHZ dan amanat khas Ketua Pegawai Eksekutif ZPP |

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | 19 & 22 April 2021 |
| NAMA PROGRAM | : | Lawatan ke Panel Pusat Dialisis Zakat |
| TEMPAT | : | 1. Pusat Dialisis CAT Negeri Pulau Pinang<br>2. Pusat Dialisis Bayan Baru<br>3. Prodiso Dialisis<br>4. Alkom Bakti<br>5. Bertam Dialisis<br>6. Bestari Dialisis<br>7. Pusat Dialisis Masjid At – Taqwa |
| OBJEKTIF | : | Pengesahan penerimaan suntikan erythropoitein (EPO) yang diterima dari ZPP |

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | 25 Dis 2021 |
| NAMA PROGRAM | : | Majlis Jasamu Dikenang |
| TEMPAT | : | Hotel The Light, Seberang Jaya |
| OBJEKTIF | : | Penghargaan dan meraikan kakitangan PHZ yang bersara dan menamatkan perkhidmatan. |

**Penggunaan Peruntukan Pusat Hemodialisis Zakat Bagi Tahun 2021**

| BIL | CAWANGAN | PERBELANJAAN (RM) |
|---|---|---|
| 1. | Pejabat Bahagian Perkhidmatan Kesihatan | 1,200,096.90 |
| 2. | Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Butterworth | 836,441.31 |
| 3. | Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Balik Pulau | 593,802.71 |
| 4. | Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Bukit Mertajam | 1,180,263.88 |
| 5. | Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Nibong Tebal | 781,813.15 |
| 6. | Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Georgetown | 805,704.75 |
| 7. | Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Kepala Batas | 1,197,330.18 |
| 8. | Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Tasek Gelugor | 71,213.18 |
| 9. | Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Bayan Lepas | 714,590.66 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **7,381,256.73** |

**Peruntukan Bantuan Suntikan Erythropoietin (EPO) kepada Pesakit Luar PHZ bagi Tahun 2021.**

| BIL | BULAN | Bilangan Penerima (orang) | PERBELANJAAN (RM) |
|---|---|---|---|
| 1. | Januari | 198 | 20,451.00 |
| 2. | Februari | 205 | 19,972.00 |
| 3. | Mac | 224 | 22,782.00 |
| 4. | April | 224 | 23,310.50 |
| 5. | Mei | 215 | 20,748.00 |
| 6. | Jun | 244 | 23,689.50 |
| 7. | Julai | 241 | 24,060.00 |
| 8. | Ogos | 195 | 23,186.50 |
| 9. | September | 213 | 23,457.00 |
| 10. | Oktober | 241 | 23,998.00 |
| 11. | November | 221 | 21,964.00 |
| 12. | Disember | 218 | 21,932.50 |
| | **JUMLAH PERUNTUKAN** | | **269,551.00** |

AKTIVITI BAHAGIAN KHIDMAT KESIHATAN (PHZ)










## INAPAN KASIH SAYANG (IKS)

Inapan Kasih Sayang atau ringkasnya disebut sebagai IKS merupakan aktiviti hasil daripada **Mesyuarat MAINPP Bil. 3/2010** yang meluluskan pengurusan Kompleks Anak Miskin di atas sebahagian Lot 4188, Mukim 8, Pongsu Seribu, Seberang Perai Utara. Ia terletak di atas tanah milik Majlis Agama Islam sebagai tempat perlindungan dan penempatan anak-anak fakir dan miskin yang terpilih di bawah pengurusan Zakat Pulau Pinang (ZPP).

### SUMBANGAN BANGUNAN

IKS telah dibangunkan dan dibiayai oleh **Inai Kiara Sdn. Bhd.** yang merupakan anak syarikat **Yayasan Al-Bukhari** bagi merealisasikan penubuhan asrama anak-anak miskin Islam di Pulau Pinang.

### KEMUDAHAN

Asrama ini mempunyai tiga blok utama iaitu asrama lelaki, asrama perempuan dan bangunan pentadbiran termasuk pejabat, dewan utama, kantin dan surau. Asrama ini mempunyai 60 bilik dengan jumlah penghuni bagi setiap bilik seramai 3 orang.

### MULA BEROPERASI

Inapan Kasih Sayang telah mula dibuka secara rasminya bermula sesi persekolahan 2012 kepada pelajar-pelajar darjah empat, lima dan enam dengan pengambilan pertama *(first batch)* seramai 86 orang iaitu 52 orang pelajar perempuan dan 34 orang pelajar lelaki. Semua penghuni asrama ini bersekolah di Sekolah Kebangsaan Ara Rendang, Kepala Batas. IKS juga telah menerima kelulusan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai Pusat Jagaan Kanak-Kanak sehingga tahun 2016.

### SESI 2021

Sesi persekolahan secara bersemuka bermula pada bulan Mac 2021. Bilangan pelajar bagi sesi 2021 adalah seramai 71 orang pelajar dengan 26 orang pelajar lelaki dan 45 orang pelajar perempuan. Semua pelajar ditempatkan di tiga buah sekolah berhampiran, iaitu Sekolah Kebangsaan Ara Rendang, Sekolah Kebangsaan Pokok Sena dan Sekolah Kebangsaan Tasek Gelugor. Perjalanan Persekolahan berjalan lancar walaupun pembelajaran dilaksanakan secara penggiliran.

### BIDANG TUGAS

1. Membantu golongan fakir miskin (asnaf) di Pulau Pinang untuk mengurangkan kos sarahidup keluarga dengan membantu anak-anak mendapat pendidikan di peringkat sekolah rendah.
2. Melahirkan umah yang cemerlang dari segi akademik dan sahsiah.
3. Membantu anak-anak asnaf mendapat pendidikan yang lengkap dan sempurna.
4. Melatih pelajar supaya hidup berdikari di asrama.
5. Membantu melalui pembiayaan yuran persekolahan dan bantuan pakaian seragam sekolah, kemudahan kelas tuisyen, kelas agama (KAFA), perpustakaan mini, makmal komputer dan sebagainya.
6. Menyediakan kemudahan pengangkutan untuk ke sekolah.
7. Mewujudkan suasana persekitaran yang kondusif untuk para pelajar.

## AKTIVITI YANG DIJALANKAN

| TARIKH | NAMA PROGRAM | TEMPAT | OBJEKTIF |
|---|---|---|---|
| 11 Januari 2021 | Majlis Graduasi Tahun 6 2020 | Hotel Ixora | - Memberi penghargaan kepada para pelajar yang berjaya dalam peperiksaan akhir tahun (berdasarkan keputusan peperiksaan dalam sistem SAPS NKRA).<br>- Menyampaikan beberapa anugerah sepanjang penglibatan pelajar di Asrama.<br>- Menyampaikan sijil penghargaan kepada pelajar Tahun 6.<br>- Memberi motivasi kepada pelajar untuk melangkah lebih cemerlang di masa hadapan. |
| 04 Mac 2021 | Program Orientasi 2021 | Inapan Kasih Sayang | - Pelajar dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran asrama.<br>- Pelajar dapat berkenalan dengan rakan baru dan kakitangan IKS.<br>- Pelajar dapat menguruskan diri dengan baik dan dapat belajar berdikari.<br>- Pelajar dapat memupuk semangat berpasukan dan kerjasama antara rakan-rakan.<br>- Pelajar dapat mengurus masa dengan betul.<br>- Mendedahkan kepada pelajar tentang cara mengemas bilik dan almari dengan baik.<br>- Pelajar dapat solat berjemaah bersama rakan-rakan dan warden serta mempelajari cara solat dengan betul. |
| 06 Mac 2021 | Lawatan Pelajar Baru Sesi 2021 | The Top Komtar (Dinasour) | - Sebagai ganjaran kepada pelajar setelah minggu suai kenal.<br>- Sebagai galakan agar pelajar gembira tinggal di asrama. |
| 10 April 2021 | Program Sambutan Ramadan (Istiqbal Ramadan) | Inapan Kasih Sayang | - Memberi pengetahuan kepada pelajar tentang perlaksanaan Ibadah puasa dari niat sehingga perkara yang dilarang didalam ibadah buasa melalui aktiviti kuiz dan explorace. |

| TARIKH | NAMA PROGRAM | TEMPAT | OBJEKTIF |
|---|---|---|---|
| 06 Mei 2021 | Program Iftar Dan Khatam Al-Quran di Bulan Ramadan 1442H | Inapan Kasih Sayang | - Mengeratkan hubungan silatulrahim dikalangan pelajar dan kakitangan IKS<br>- Pemberian baju raya dan duit raya kepada pelajar. |
| 04 Jun – 18 Jun 2021 | Perlaksanaan kerja-kerja pembungkusan Skim bantuan makanan kecemasan ZPP. | Inapan Kasih Sayang | - Inapan Kasih Sayang sebagai tempat pembungkusan Skim bantuan kecemasan ZPP. |
| 1 Jun - 12 November 2021 | Kelas Pengajian Al-Quran dan Iqra secara atas talian. | Secara Atas Talian (panggilan video, google meet, panggilan telefon) | - Pelajar dapat mengisi masa yang terluang di rumah.<br>- Meningkatkan prestasi kelancaran pengajian Al-Quran atau Iqra pelajar.<br>- Pelajar dapat mempelajari ilmu tajwid dengan lebih baik. |
| 20 November 2021 | Pelajar kembali ke Asrama Inapan Kasih Sayang. Ujian Rapid Test Kit (RTK) kepada pelajar. | Inapan Kasih Sayang | - Saringan awal bagi memastikan pelajar bebas dari virus Covid-19.<br>- Memastikan hanya pelajar yang betul-betul sihat sahaja kembali ke asrama. |
| 22 November-10 Disember 2021 | Pelajar ke sekolah secara penggiliran dan PdPR di Inapan Kasih Sayang | Inapan Kasih Sayang | |
| 3 Disember 2021 | Program Meraikan Sambutan Hari Lahir | Inapan Kasih Sayang | - Mengeratkan hubungan silatulrahim bersama pelajar melalui aktiviti Fun Game.<br>- Meraikan pelajar kembali ke asrama. |
| 4 Disember 2021 | Program Motivasi 'Remaja Hebat Jauhi Maksiat' | Inapan Kasih Sayang | - Memberi kefahaman kepada pelajar tentang kepentingan penjagaan diri dan pendidikan seksualiti. |
| 5 Disember 2021 | Program Kem Solat 2021 | Inapan Kasih Sayang | - Pelajar dapat berwuduk dengan sempurna.<br>- Dapat melaksanakan semua perbuatan serta bacaan dalam solat dengan betul dan lancar.<br>- Melaksanakan solat dengan sempurna. |

## AKTIVITI BAHAGIAN INAPAN KASIH SAYANG






















**PUSAT LATIHAN ZAKAT (PULAZA)**

Pusat Latihan Zakat atau ringkasnya disebut PULAZA merupakan cadangan yang terhasil semasa Resolusi Bengkel Halatuju 10 Tahun PUZ (2003 – 2013). Pihak MAINPP telah bersetuju untuk menyerahkan sebahagian lot tanah miliknya di Pantai Acheh, Balik Pulau sebagai tapak pembinaan PULAZA. Pihak MAINPP telah menyerahkan kepada Zakat Pulau Pinang (ZPP) untuk mengoperasikan PULAZA.

PULAZA telah dibangunkan dengan menggunakan wang sumbangan dari Yayasan Al-Bukhary untuk kemudahan umat Islam. Ianya bertujuan untuk menyediakan satu pusat latihan khas kepada umat Islam seperti bengkel, motivasi, seminar dan lain-lain. Ianya boleh disewa pada kadar yang berpatutan.







**AKTIVITI YANG DIJALANKAN**

PULAZA dijadikan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) pada tahun 2021

















**DARUL HIDAYAH**

Kompleks Darul Hidayah yang terletak di Permatang Tok Gelam Penaga merupakan kompleks penginapan yang menempatkan golongan muallaf yang tidak ada tempat untuk berlindung serta tempat untuk mempelajari agama Islam dengan lebih mendalam. Pada tahun 2021, Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah menyalurkan sebanyak RM2.65 juta yang merangkumi peruntukan tahunan dan pembinaan rumah warden. Antara aktiviti yang disediakan ialah:

1. Kelas Harian Bertahap
2. Kelas Mingguan (Sabtu/Ahad)
3. Penginapan Penghuni Transit di Kompleks Darul Hidayah






## DARUL HANAN

Darul Hanan merupakan sebuah rumah warga emas yang diuruskan oleh persatuan NGO. Kompleks warga emas ini dibina di bawah pembiayaan Yayasan Bukhary di atas sebahagian tanah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Antara prasarana yang disediakan adalah bangunan asrama, Anjung Terapi, dewan makan, surau, wad terlantar, dewan serbaguna dan bilik seminar. Kompleks ini boleh menampung jumlah maksima warga emas seramai 150 orang dan mula beroperasi pada 1 Februari 2010.

Tujuan penubuhan Darul Hanan:

- Menguruskan penjagaan dan perlindungan terbaik kepada warga emas yang memerlukan.
- Mewujudkan pengurusan warga emas berteraskan agama Islam secara cekap dan berkualiti.
- Meningkatkan kefahaman dan penghayatan agama Islam kepada warga emas berdasarkan konsep pendidikan sepanjang hayat.
- Membangun kompleks warga emas sebagai suatu pusat pembangunan warga emas contoh di Pulau Pinang.

Pada tahun 2021, Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah menyalurkan dana agihan zakat berjumlah RM1.9 juta bagi melancarkan operasi pengurusan Darul Hanan untuk memastikan warga emas yang mendiami Darul Hanan mendapat perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti.









## KOLEJ ISLAM TEKNOLOGI ANTARABANGSA (KITAB)

Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang ialah sebuah Institusi Pengajian Tinggi di Pulau Pinang yang dimiliki oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) yang ditaja oleh Zakat Pulau Pinang. KITAB ditubuhkan pada 12 Mei 2004 setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pelajaran Malaysia (JPS) 5195/IPTS/1301 (07). Badan yang terlibat dalam mengelola dan menguruskan KITAB terdiri daripada Lembaga Pengarah Usaha Tarbiah (Pulau Pinang) Sdn. Bhd. (UTSB) dan Lembaga Pengelola KITAB.

KITAB berperanan mewujudkan pendidikan bersepadu meliputi intelek, rohani dan jasmani bagi melahirkan insan yang seimbang, harmonis dan berakhlak mulia untuk memenuhi keperluan tenaga kerja dalam pembinaan generasi umat dan pembangunan negara.

Pada tahun 2021, Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah menyalurkan dana agihan zakat menerusi geran tahunan sebanyak RM4.5 juta. Pada masa yang sama, ZPP juga telah mengagihkan dana tawaquf zakat berjumlah RM7.15 juta untuk pembangunan bangunan asrama pelajar dan RM3.26 juta untuk pembinaan Penang Islamic Digital Library (PIDL)






# MEDIA DAN PENERBITAN





## PENERBITAN ZAKAT PULAU PINANG TAHUN 2021









## PENERBITAN ZAKAT PULAU PINANG TAHUN 2021

### BUKU REKAYASA ZAKAT

Buku yang diterbitkan sepenuhnya oleh Zakat Pulau Pinang ini merupakan suntingan 2 orang kakitangan Zakat Pulau Pinang iaitu Dr. Mohamad Salleh Abdullah dan Dr. Wafdi Auni Mohamed. Sebanyak 65 artikel yang mengandungi perbincangan yang mencakupi hampir keseluruhan aspek pengurusan zakat, dari persoalan-persoalan berbentuk filosofikal seperti slogan, dasar dan hikmah zakat hinggalah kepada persoalan-persoalan praktikal seperti isu-isu kontemporari zakat, inovasi pengurusan zakat, pengdigitalan zakat, sumber baharu zakat, kaedah menarik muzakki membayar zakat, kaedah memanfaatkan zakat untuk asnaf, dan pembangunan ekonomi asnaf. Intipati perbincangan setiap judul dalam buku ini boleh diperdalami untuk dijadikan panduan dalam memperkasakan lagi peranan zakat mengatasi masalah sosio-ekonomi para asnaf. Pelancaran buku ini telah disempurnakan oleh YDP MAINPP YB Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abd. Rahman semasa Seminar Isu- Isu Kefatwaan Zakat 2021 (SifZa2021).



## KERATAN AKHBAR TAHUN 2021

BULETIN MUTIARA 1 - 15 APRIL, 2021 5

# Bantuan rumah ZPP beri sinar baru

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PINANG TUNGGAL** – Dua keluarga asnaf di sini meluahkan rasa syukur dan terharu apabila menerima rumah baru yang disumbangkan oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Penerima, **AHMAD SUKRI MOHAMED SALLEH**, 49, berkata bahawa bantuan yang diberikan oleh ZPP telah memberikan sinar baru kepada beliau dan keluarga untuk menjalani kehidupan lebih selesa kini.

Menurutnya, selain masalah atap bocor, struktur rumah pusaka keluarga yang diduduki bersama-sama isteri serta tujuh anaknya selama lebih 15 tahun tidak lagi selamat kerana dimakan anai-anai.

Ahmad Sukri memberitahu bahawa beliau tidak mampu membina rumah atau mencari tempat tinggal lebih selesa untuk keluarganya disebabkan kekangan kewangan yang dihadapi.

"Saya rasa terharu dan berterima kasih kepada ZPP kerana telah membantu menyediakan sebuah 'mahligai' untuk kami sekeluarga yang jauh lebih selesa berbanding rumah lama.

"Jika dahulu, setiap kali hujan saya tidak dapat tidur lena kerana memikirkan anak-anak disebabkan lantai rumah akan basah kerana atap bocor.

"Kini kami sudah boleh tidur dengan tenang," katanya ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Kunci Bantuan Bina Rumah ZPP dekat Permatang Tinggi B di sini pada 6 Mac lalu.

Penyerahan kunci rumah baru tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali.

Mengulas lanjut, Ahmad Sukri menyatakan bahawa rumah kayu yang didudukinya sebelum ini tidak mempunyai bilik menyebabkan mereka sekeluarga terpaksa tidur bergelimpangan.

Namun kini katanya, bantuan rumah baru ZPP membolehkan



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (dua dari kanan) menyerahkan replika kunci rumah yang telah siap dibaik pulih kepada keluarga Abdul Aziz Abu Hussain (dua dari kiri) pada majlis penyerahan di sini baru-baru ini.**

empat anak perempuan dan tiga anak lelakinya mempunyai bilik berasingan.

"Alhamdulillah, rumah baru ini mempunyai tiga bilik tidur dan dilengkapi dengan kipas serta lampu," ujarnya.

Dalam pada itu, seorang lagi penerima, **ABDUL AZIZ ABU HUSSAIN**, 44, yang turut menerima bantuan menerusi Program Bantuan Baik Pulih Rumah ZPP kini boleh menarik nafas lega apabila rumah yang didudukinya kini dilengkapi dengan kemudahan elektrik serta bekalan air bersih.

Beliau bersama-sama tiga lagi ahli keluarga sebelum ini tinggal di rumah sewa yang sempit dekat Lahar Tambun Tasek Gelugor.

"Kami terpaksa berpindah dari rumah sewa sebelum ini kerana tuan rumah mahu membina rumah baharu jadi, saya terpaksa membina rumah sendiri di sini tetapi tidak ada bekalan elektrik dan air bersih.

"Alhamdulillah, dengan bantuan ZPP, rumah yang kami duduki sekarang ini lebih luas serta selesa," katanya ketika ditemui dekat rumahnya di Tasek Gelugor.

Sementara itu, Ahmad Zakiyuddin berkata bahawa bantuan rumah disediakan ZPP menelan kos RM57,515.86 dengan menggunakan reka bentuk baharu yang lebih moden.

"Pada tahun lepas, sebanyak 25 rumah baru berjaya dibina dan pada tahun ini, ZPP sasarkan 30 buah (rumah) bantuan zakat akan dibina di seluruh negeri," ulasnya yang juga Pengerusi ZPP.

Tambah beliau, selain bina rumah baru, ZPP juga menyediakan peruntukan berjumlah RM5 juta setiap tahun bagi program membaik pulih rumah asnaf yang layak.

"Bantuan ini diberikan bagi membantu golongan asnaf fakir serta miskin menampung kos membaiki rumah yang rosak dan daif sekali gus menjadikan kediaman mereka lebih sempurna dan selesa untuk didiami," jelasnya.






## MEDIA SOSIAL ZAKAT PULAU PINANG

1. Laman Facebook Rasmi Zakat Pulau Pinang, MAINPP Pautan: https://www.facebook.com/zakatpenang




2. Laman Instagram Rasmi Zakat Pulau Pinang, MAINPP Pautan: https://www.instagram.com/zakatpenang/




3. Laman Youtube Rasmi Zakat Pulau Pinang, MAINPP Pautan: https://www.youtube.com/zakatpenang




4. Laman Tiktok Rasmi Zakat Pulau Pinang, MAINPP Pautan: https://www.tiktok.com/@zakatpenang




5. Laman Twitter Rasmi Zakat Pulau Pinang, MAINPP Pautan: https://twitter.com/zakatpenang



6. Laman Telegram Rasmi Zakat Pulau Pinang, MAINPP Pautan: https://t.me/zakatpenang




7. Laman Web Rasmi Zakat Pulau Pinang, MAINPP Pautan: https://v2.zakatpenang.com/



# Catatan

Catatan


ZAKAT PULAU PINANG
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG
ZAKAT PULAU PINANG
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG
AELB

# KAUNTER PERKHIDMATAN ZAKAT


**BUKIT MERTAJAM (IBU PEJABAT)**
No.4 Jalan Perda Selatan,
Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam.
Tel : 04-549 8088
Faks : 04-530 6466

**NIBONG TEBAL**
No 40, Jalan Jawi Jaya 1,
Taman Jawi Jaya,
14200 Nibong Tebal.

**GEORGE TOWN**
No 34, Lebuh Buckingham,
10200 Georgetown.

**KEPALA BATAS**
No. 2102,
Wisma Syeikh Abdullah Fahim,
13200 Kepala Batas.

**BALIK PULAU**
No. 32 A-G,
Jalan Sungai Nipah,
11000 Balik Pulau.

**AYER ITAM**
d/a Masjid Negeri Pulau Pinang,
Jalan Ayer Itam,
11500 Air Itam.

**BUTTERWORTH**
No 65, Jalan Selat,
Taman Selat,
12000 Butterworth.

**BAYAN BARU**
No.81, Tingkat Bawah,
Persiaran Mahsuri, 1/3 Sunway Tunas,
11900 Bayan Lepas.

v2.zakatpenang.com